AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 37 BILANGAN 8 | RABU 19 FEBRUARI, 1992. | 1412 رابو 15 شعبان، | PERCUMA

## Kebawah DYMM dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang

KUALA LUMPUR, 15 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Canselor Universiti Malaya.

Penganugerahan tersebut telah berlangsung dengan penuh sejarah di Majlis Konvokesyen Khas yang berlangsung di Dewan Tuanku Canselor Universiti Malaya di sini Sabtu lepas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah selepas berkenan menerima penganugerahan tersebut melahirkan penghargaan yang seikhlas-ikhlasnya kepada Senat dan Majlis Universiti Malaya, khasnya ke Majlis Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah kerana berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada baginda.

Baginda yang juga selaku Canselor Universiti Brunei Darussalam seterusnya bertitah menawarkan tempat dan kemudahan bagi lebih ramai pelajar-pelajar Malaysia melalui biasiswa ASEAN untuk mengikuti ijazah pertama di Universiti Brunei Darussalam.

Dalam pada itu baginda juga mempelawa ahli-ahli sains dari Malaysia untuk menyertai projek-projek penyelidikan di Stesen-stesen Hutan Tropika di Temburong di samping mengikuti rancangan Fellow Penyelidikan yang disediakan oleh Universiti Brunei Darussalam.

Lihat muka 3, ruangan 1



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Canselor Universiti Malaya kepada baginda yang berlangsung di Universiti Malaya.

## Cadangan EAEC munasabah, bersesuaian

KUALA LUMPUR, 11 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, cadangan untuk menubuhkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) adalah munasabah dan bersesuaian sebagai platform untuk negara-negara Asia Timur menyuarakan pendapat-pendapat mereka secara kolektif di forum-forum yang berkaitan dengan ekonomi dan perdagangan.

"Tidak ada salahnya kalau kita berterus terang bahawa ini adalah sebagai persediaan menghadapi cabaran-cabaran yang mungkin timbul dari adanya blok-blok perdagangan serta juga masalah-masalah perlindungan pasaran serantau," titah baginda lagi.

Lihat muka 3, ruangan 4

Liputan oleh
Mohd. Salleh Abdul Latif
dan Zubaidah HS

## Negara mengalu-alukan cadangan M'sia menubuhkan Suruhanjaya Bersama – titah

KUALA LUMPUR, 11 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan cadangan Kerajaan Malaysia bagi penubuhan satu Suruhanjaya Bersama.

"Penubuhan satu Suruhanjaya Bersama di antara kedua buah negara kita yang bertujuan semata-mata untuk kepentingan bersama," titah baginda di Majlis Persantapan Negara sempena keberangkatan lawatan negara baginda dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ke Malaysia yang berlangsung di Istana Negara di sini.

Baginda menghargai kerjasama di bidang ketenteraan di mana Negara Brunei Darussalam sentiasa mendapat faedah daripada kursus-kursus yang ditawarkan oleh Angkatan Tentera Malaysia.

Demikian juga melalui latihan-latihan bersama kedua-dua angkatan tentera telah banyak menolong bagi meningkatkan lagi pengalaman serta mutu kecekapan masing-masing.

Kemuncak dari hubungan yang bermakna di antara kedua buah negara, titah baginda, iaitu apabila beberapa Memorandum Persefahaman dan Perjanjian Di Bidang Pertahanan, Penerangan dan Perkhidmatan Udara akan ditandatangani kelak.

Seterusnya baginda bertitah, daripada sejarah, sesuatu bangsa itu boleh ketawa dan daripada sejarah juga ramai orang yang akan meratap atau menangis.

Dalam konteks ini baginda yakin sudah tiba masanya untuk semua pihak di rantau ini mesti melihat diri sendiri dalam cermin sejarah masing-masing.

Kemudian menjadikan apa yang ditemui sebagai iktibar dan panduan ke arah kehidupan baru dengan tidak kehilangan pedoman bahawa kesilapan-kesilapan yang lampau akan dijadikan alasan un-

Lihat muka 3

### INTISARI TITAH

- *Pertukaran lawatan baik di peringkat raja, menteri mahupun pegawai-pegawai kerajaan mencerminkan kemesraan hubungan sambil berpeluang bertukar-tukar pendapat dan fikiran di samping memupuk semangat persefahaman dan kerjasama yang baik bagi menjalani amalan saling bantu-membantu.*
- *Brunei Darussalam berminat meningkatkan jumlah pelaburan di Malaysia dalam bidang yang akan dikenal pasti kemudian, dan sebagai timbal balas mengalu-alukan pelabur-pelabur daripada Malaysia ikut serta menjayakan proses perindustrian Brunei Darussalam.*
- *Cadangan Malaysia bagi penubuhan satu Suruhanjaya Bersama antara kedua buah negara yang bertujuan semata-mata bagi kepentingan bersama adalah dialu-alukan.*
- *Kemuncak dari hubungan yang bermakna antara Brunei Darussalam dan Malaysia ialah penandatanganan Memorandum Persefahaman dan Perjanjian Di Bidang Pertahanan, Penerangan dan Perkhidmatan Udara.*
- *Cadangan penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) adalah munasabah sebagai platform negara-negara Asia Timur menyuarakan pendapat mereka secara kolektif di forum-forum yang berkaitan dengan ekonomi dan perdagangan.*
- *Wawasan 2020 yang akan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam semua bidang, Insya-Allah, akan berjaya lebih cepat dari masa 30 tahun yang ditetapkan jika seluruh rakyat terus memberikan dukungan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi.*
- *Daripada sejarah suatu bangsa itu boleh ketawa, dan juga menangis. Ketawa adalah sebagai tanda kita bersyukur. Menangis menandakan keinsafan atau penyesalan di atas kesilapan kita yang telah lalu.*

### مانيسن إيمان
### MANISNYA IMAN

"HENDAKLAH mereka takut jangan sampai meninggalkan anak keturunan yang lemah di belakangnya dikhuatiri akan sengsara. Sebab itu hendaklah mereka patuh kepada Allah dan hendaklah mereka berkata dengan perkataan yang betul." — Maksud ayat 9, Surah Annisa.

### ڤتيكن تيته
### PETIKAN TITAH

"KEMERDEKAAN kita telah pun jelas di mata dunia. Kita diiktiraf oleh semua negara. Kita mampu menunaikan tanggungjawab antarabangsa. Dan lebih penting lagi ialah kita mempunyai kerajaan yang berkesan dalam erti kata mampu mengendalikan negara, melindungi dan memimpin rakyat serta penduduk ke arah kesejahteraan yang dihasratkan sebagai bangsa yang merdeka."

*Dititahkan sempena sambutan perayaan Ulang Tahun Keenam Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari, 1991.*

ڤليتا بروني
Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

19 FEBRUARI 1992 BERSAMAAN 15 شعبان 1412

دڠن نام الله يڠمها
ڤموره دان مها ڤڽايڠ

# MENUNGGU MASA DEPAN YANG CERAH

KEAKRABAN hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia memang sudah terjalin sejak sekian lama. Hubungan yang erat lagi mesra itu bukan setakat sebut-sebutan tetapi terbukti dan dapat dirasakan oleh rakyat dan penduduk kedua buah negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda di Majlis Persantapan Malam bagi mengalu-alukan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia dan rombongan diraja ke negara ini pada bulan Oktober 1990 menegaskan bahawa hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia bukanlah baru dan bukan juga setakat hubungan biasa, tetapi hubungan yang berasaskan kepada banyak persamaan seperti agama, bahasa, bangsa, budaya dan adat resam serta sejarah.

Semua aspek yang dititahkan itu telah banyak membantu bagi mewujudkan persefahaman di antara kedua buah negara. Demikian juga persamaan yang telah sedia ada telah dapat menjadi tali penghubung yang kukuh. Persamaan tersebut adalah merupakan 'hadiah sejarah' yang tidak ternilai harganya yang telah ditakdirkan oleh Allah Subhanahu Wataala, yang kerana itu perlu dipelihara dan dipupuk dengan kerjasama yang bermanfaat dari masa ke semasa.

Hubungan tersebut sentiasa terpelihara dengan adanya pertukaran lawatan baik peringkat raja mahupun para menteri, para pegawai dan sehinggalah kepada rakyat jelata.

Bersempena lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ke Malaysia baru-baru ini telah menempah lagi sejarah yang merupakan kemuncak hubungan yang sedia ada apabila kedua-dua negara menandatangani empat Memorandum Persefahaman dan satu Perjanjian.

Memorandum yang ditandatangani itu ialah Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Pertahanan, Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Penerangan dan Penyiaran, Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Pendidikan dan Latihan, Memorandum Persefahaman Mengenai Penetapan Suatu Kawasan Latihan dan Lalulintas Gerakan Tentera Udara Di Atas Laut China Selatan Di Dalam Maklumat Penerbangan Kawasan Kota Kinabalu manakala perjanjian yang ditandatangani ialah Perjanjian Perkhidmatan Udara di antara dan di luar wilayah masing-masing.

Memorandum Persefahaman dan Perjanjian tersebut sudah tentu akan mengukuhkan lagi persefahaman dan bidang-bidang kerjasama yang sudah berjalan sekian lama. Malaysia memang telah banyak memberikan sumbangan tenaga mahir kepada Negara Brunei Darussalam dalam beberapa bidang seperti bidang pendidikan, ketenteraan, sosial dan lain-lain lagi.

Dalam arena antarabangsa dan pertubuhan serantau ASEAN, Negara Brunei Darusalam dan Malaysia sering mempunyai persamaan pandangan dan pendapat terhadap berbagai isu.

Negara Brunei Darussalam juga mengalu-alukan cadangan Malaysia menubuhkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC). Di samping Negara Brunei Darussalam juga berhasrat meningkatkan pelaburannya di Malaysia sambil mengalu-alukan Malaysia melabur di Negara Brunei Darussalam untuk membantu meningkatkan lagi perkembangan perindustrian di negara ini.

Pendek kata hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan mewujudkan masa depan yang lebih cerah kepada kedua-dua buah negara dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan, kemajuan, kesejahteraan dan keamanan.

# PENANDATANGANAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN KEMUNCAK HUBUNGAN ANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN MALAYSIA — titah

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAHI Rabbil 'Aalameen, Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa 'Alaa Aalihie Wasahbihi Ajma'een, Waba'du.

Paduka Kekanda Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan 'Azlan Muhibuddin Shah, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia;

Paduka Kekanda Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Bainun, Raja Permaisuri Agong Malaysia;

Yang Amat Berhormat, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia;

Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah;

Serta hadirin dan hadirat sekalian.

Terlebih dahulu Paduka Adinda dengan segala tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Paduka Kekanda dan Kerajaan Malaysia di atas jemputan kepada Paduka Adinda Berdua. Selain daripada ini, Paduka Adinda juga telah berpeluang membuat beberapa kunjungan rasmi ke beberapa buah negeri di dalam Malaysia dalam beberapa tahun kebelakangan.

Di dalam hubungan ini, Paduka Adinda ingin merakamkan rasa besar hati Paduka Adinda, di atas keberangkatan Paduka Kekanda melakukan lawatan rasmi ke Negara Brunei Darussalam pada penghujung tahun 1990, yang tidak syak lagi adalah merupakan sejarah indah lagi penuh bermakna kepada Paduka Adinda secara peribadi, dan bahkan juga kepada rakyat dan Negara Brunei Darussalam sendiri pada keseluruhannya.

Paduka Adinda percaya, bahawa pertukaran lawatan di antara pemimpin di kedua buah negara, sama ada di peringkat Raja, mahupun di peringkat Menteri dan lain-lain peringkat pegawai di dalam Kerajaan kedua buah negara, adalah mencerminkan betapa mesra dan eratnya hubungan di antara kita, serta sambil itu, ia juga menyediakan peluang bagi pertukaran pendapat dan fikiran di antara kedua belah pihak.

Melalui lawatan-lawatan seperti inilah, kita telah dapat memupuk semangat persefahaman dan kerjasama yang baik, yang banyak menolong kita untuk menjalani amalan saling bantu-membantu. Perkara ini sebenarnya, telah pun berjalan semenjak dari awal abad ini lagi. Contohnya, Kerajaan Malaya pada ketika itu, sudah pun mula memberikan bantuan kepada Brunei berupa pegawai-pegawai tadbir, polis dan lain-lain lagi.

Pengalaman di masa-masa yang lalu itu telah menjadi landasan yang berguna bagi kita meneruskan hubungan yang lebih luas lagi, sebagai dua buah negara yang berjiran, dan bahkan bersaudara dalam erti yang sebenar-benarnya.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan Lawatan Negara Baginda Ke Malaysia, 1992.

Paduka Adinda berpendapat, bahawa banyak kemajuan yang boleh dicapai melalui gabungan tenaga dan fikiran, terutama dalam bidang hal ehwal serantau, antarabangsa serta juga ekonomi.

Maka kerana itulah, dari beberapa segi, Paduka Adinda turut mengkagumi perubahan dan perkembangan pesat yang sedang berlaku di negara Paduka Kekanda. Khasnya di bidang ekonomi, Kerajaan Paduka Kekanda telah berusaha dengan gigih dan lancar untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah digariskan oleh wawasan negara.

Semasa Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura baru-baru ini, bidang ekonomi telah menjadi tumpuan utama Ketua-ketua Kerajaan berkenaan, iaitu dalam rangka strategi baru bagi rantau Asia Tenggara untuk dekad-dekad yang akan datang, yang akhirnya mencapai persetujuan bagi penubuhan satu kawasan perdagangan bebas untuk rantau ini.

Paduka Adinda juga percaya, bahawa cadangan untuk menubuhkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) adalah munasabah dan bersesuaian sebagai platform untuk negara-negara Asia Timur menyuarakan pendapat-pendapat mereka secara kolektif di forum-forum yang berkaitan dengan ekonomi dan perdagangan. Demikian juga tidak ada salahnya kalau kita berterus-terang, bahawa ini adalah sebagai persediaan menghadapi cabaran-cabaran yang mungkin timbul dari adanya blok-blok perdagangan serta juga masalah-masalah perlindungan pasaran serantau.

Berasaskan inilah, Paduka Adinda merasa gembira dengan persetujuan di Sidang Kemuncak ASEAN, supaya cadangan penubuhan EAEC ini dibincangkan terus untuk meneliti langkah-langkah selanjutnya. Pada Paduka Adinda; persetujuan ini adalah merupakan suatu kemajuan ke arah pencapaian penubuhan EAEC itu.

Serentak dengan ini, Paduka Adinda adalah sangat-sangat gembira atas peningkatan kadar perdagangan diantara kedua buah negara kita sendiri, dan mengharapkannya supaya akan dapat berterusan sampai bila-bila.

Sebagaimana pernah Paduka Adinda suarakan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bahawa Kerajaan Paduka Adinda adalah berminat untuk meningkatkan lagi jumlah pelaburan di negara Paduka Kekanda dalam bidang yang akan dikenal pasti kemudian. Dan di samping itu sebagai timbal balas, Paduka Adinda juga adalah mengalu-alukan pelabur-pelabur daripada Malaysia untuk ikut serta dalam menjayakan proses perindustrian di Negara Brunei Darussalam.

Pendeknya mengenai hubungan dua hala ini, Paduka Adinda melihat, bahawa masa depan yang cerah adalah sedang menunggu kita, berdasarkan kedua-dua buah negara mempunyai asas-asas persamaan yang kukuh, seperti dalam bahasa, adat istiadat, bangsa, agama dan kebudayaan. Asas inilah yang menjadi tulang belakang bagi perhubungan dan persahabatan kita yang ikhlas, yang dijalin pula oleh kerjasama dan semangat hormat-menghormati terhadap kemerdekaan dan kedaulatan masing-masing.

Negara Brunei Darussalam sendiri, turut mengikuti dengan penuh minat apa yang baru diperkenalkan sebagai Wawasan 2020, yang mengandungi rancangan pembangunan jangka panjang, yang akan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam semua bidang. Berbagai konsep pembangunan yang mustahak telah diteroka dan dibentangkan, termasuk juga konsep keadilan sosial, konsep keadilan ekonomi, revolusi mental dan pembebasannya dari segala bentuk kongkongan, patriotism bangsa, masyarakat yang progresif dan saintifik dan lain-lain lagi.

Paduka Adinda merasa optimis, bahawa wawasan ini insya-Allah, akan berjaya, dan mungkin juga lebih cepat dari masa 30 tahun yang ditetapkan, iaitu sekiranya seluruh rakyat terus memberikan dukungan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi. Kejayaan Malaysia adalah kejayaan rakan dan saudara. Bagi pihak kita yang menyaksikannya akan tumpang seronok dan gembira.

Pada masa ini pun, Negara Malaysia sudah memiliki ciri-ciri kelebihan tertentu, yang turut menjadikannya lebih penting kepada negara Paduka Adinda sendiri. Umpamanya, Kerajaan Paduka Kekanda telah memberikan kerjasama dan bantuan moral di atas penubuhan Tabung Amanah Islam Negara Brunei Darussalam, iaitu satu-satunya institusi kewangan yang berorientasikan hukum syarak di negara Paduka Adinda. Demikian juga di bidang yang lain, seperti bidang ketenteraan, Negara Brunei Darussalam adalah sentiasa mendapat faedah daripada kursus-kursus yang ditawarkan oleh Angkatan Tentera Malaysia. Demikian juga melalui latihan-latihan bersama kedua-dua angkatan tentera kita telah banyak menolong bagi meningkatkan lagi pengalaman serta mutu kecekapan masing-masing.

Kemudian kemuncak dari hubungan yang bermakna di antara kedua buah negara kita, ialah apabila beberapa Memorandum Persefahaman dan Perjanjian Di Bidang Pertahanan, Penerangan dan Perkhidmatan Udara akan ditandatangani kelak.

Di samping itu, Paduka Adinda juga mengalu-alukan cadangan Kerajaan Paduka Kekanda bagi penubuhan satu Suruhanjaya Bersama di antara kedua buah negara kita, yang bertujuan semata-mata untuk kepentingan bersama.

Paduka Adinda percaya, bahawa juga sudah tiba masanya untuk semua pihak di rantau kita ini mesti melihat diri sendiri dalam 'cermin sejarah' masing-masing dan kemudian menjadikan apa yang ditemui itu sebagai iktibar dan panduan ke arah kehidupan baru, dengan tidak kehilangan pedoman bahawa kesilapan-kesilapan yang lampau akan dijadikan alasan untuk menghukum diri sendiri dan juga anak cucu yang tidak berdosa. Daripada sejarah, sesuatu bangsa itu boleh ketawa, dan daripada sejarah juga ramai orang yang akan meratap atau menangis. Tetapi pada hemat Paduka Adinda, kedua-duanya adalah baik belaka : satu iaitu ketawa adalah sebagai tanda kita bersyukur; sementara yang satu lagi iaitu menangis, adalah menandakan keinsafan atau penyesalan di atas kesilapan-kesilapan kita yang telah lalu itu.

Untuk akhirnya, Paduka Adinda sekali lagi ingin menyatakan penghargaan dan terima kasih yang ikhlas kepada Paduka Kekanda dan rakyat Malaysia di atas layanan baik lagi mesra yang diberikan kepada Paduka Adinda Berdua dan rombongan.

Paduka Adinda juga berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala semoga Paduka Kekanda dan Kerabat Diraja serta pemimpin-pemimpin Negara Malaysia sentiasa berada dalam keadaan sihat dan sejahtera, dan begitu juga negara serta rakyat Malaysia akan terus menikmati keamanan dan kemakmuran.

Sekian, Wabillahit Taufik Wal-hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## LAWATAN NEGARA KEBAWAH DYMM DAN KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI KE MALAYSIA

# Berangkat ke Majlis Kunjungan Muhibah

KUALA LUMPUR, 11 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berangkat ke Majlis Kunjungan Muhibah di Istana Negara kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Bainun bersempena lawatan negara baginda dan baginda Raja Isteri ke Malaysia.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Sambungan dari muka 1

Untuk membuktikan kerjasama yang sedia rapat di bidang pendidikan, titah baginda, satu Memorandum Persefahaman telah pun ditandatangani oleh Universiti Brunei Darussalam dengan beberapa buah universiti di Malaysia.

Di samping itu titah baginda, amalan mengambil guru-guru daripada Malaysia juga sedang diteruskan, sementara guru-guru daripada Negara Brunei Darussalam sendiri akan terus dihantar menjalani latihan-latihan di Malaysia.

Dalam hubungan ini, baginda juga merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Universiti Malaya yang mana telah banyak menyumbangkan bantuan kepada Universiti Brunei Darussalam iaitu semenjak universiti ini mula dibuka dalam tahun 1985. Ini termasuklah menghantar pensyarah, pemeriksa-pemeriksa luar, menerima calon-calon ijazah tinggi dan penempatan kepada kakitangan Universiti Brunei Darussalam untuk tujuan kajian sambil belajar dan juga perundingan akademik.

Dalam pada itu baginda juga bertitah menegaskan bahawa fungsi universiti bukan sahaja untuk mengeluarkan graduan-graduan negara pada setiap tahun, tetapi apa yang penting, titah baginda, ialah berupaya melahirkan ahli-ahli fikir yang berwibawa yang sanggup dan mampu berhadapan dengan zamannya.

Pada masa dahulu, kita juga sudah pernah menikmati tamadun. Pada zaman Kerajaan Melayu Melaka abad ke 15 dan di Borneo dalam zaman Kerajaan Sultan Bolkiah pada kurun yang sama, kita telah sama-sama memiliki empayar yang besar. Pada masa itu pembesar-pembesar kita sudah pun menjelajah jauh sehingga ke Benua Barat menurut setengah teori dan ke Negeri China di sebelah Timur, yang membuktikan bangsa kita juga telah lama bertamadun, titah baginda.

Perkara ini bukanlah untuk dipersenda-sendakan titah baginda, tetapi amat berguna untuk menjadi asas dan bahan berfikir ke arah suatu tamadun yang baru.

Majlis Konvokesyen Khas bagi penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diisytiharkan pembukaannya oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan seterusnya bacaan Al-Fatihah oleh Ustaz Sidik bin Haji Baba.

Kemudiannya pidato penghargaan graduan kehormat untuk baginda telah dibacakan oleh Pemidato Umum, Profesor Madya Wan Arfah Hamzah.

Berangkat sama di Majlis Konvokesyen Khas itu ialah Pro-Canselor Universiti Malaya, Duli Yang Maha Mulia Raja Nazrin Shah, Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan. Juga hadir ialah Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong serta para ahli senat dan kakitangan Universiti Malaya.

Di akhir Majlis Konvokesyen Khas itu doa selamat telah dibacakan oleh Ustaz Sidik bin Haji Baba.

Bersempena dengan konvokesyen dan penganugerahan itu juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menanam pokok 'Bornean Camphor' di luar Dewan Tuanku Canselor Universiti Malaya.

# Kebawah DYMM berangkat melawat Maktab Tentera Diraja

KUALA LUMPUR, 14 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Maktab Tentera Diraja di Sungai Besi di sini dalam rangka lawatan negara baginda ke Malaysia selama lima hari sejak 11 Februari lepas.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan Komander Maktab Tentera Diraja.

Baginda berkenan menerima tabik hormat dari barisan kehormatan. Baginda juga berkenan menyaksikan persembahan yang disembahkan oleh Divisen Putera sebelum berangkat ke bilik taklimat bagi berkenan mendengar kegiatan Maktab Tentera Diraja itu.

Di akhir lawatan baginda berkenan menerima cenderamata yang disembahkan oleh Komander Maktab Tentera Diraja tersebut.

# LAHIRKAN KEGEMBIRAAN DI ATAS PENANDATANGANAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

KUALA LUMPUR, 11 Februari. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah bertitah rasa gembira dengan adanya persetujuan untuk menandatangani Memorandum Persefahaman yang meliputi bidang Kerjasama Pertahanan, Penerangan dan Penyiaran serta Perjanjian Perkhidmatan Udara antara Negara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Baginda bertitah demikian di Majlis Persantapan Negara sempena keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ke Malaysia yang berlangsung di Istana Negara di sini.

Baginda seterusnya bertitah lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ke Malaysia adalah melambangkan keakraban ikatan silaturahim serta hubungan baik dan mesra yang terjalin sejak turun-temurun di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Hubungan akrab ini, titah baginda adalah berasaskan persamaan sejarah, bangsa, bahasa, agama dan budaya. Dari itu baginda yakin dengan berlandaskan asas-asas tersebut serta dengan keazaman kedua buah negara untuk bekerjasama dalam segenap bidang, hubungan kedua buah negara akan lebih kukuh.

Dalam pada itu baginda juga menyatakan kesediaan negaranya bagi bekerjasama membantu Negara Brunei Darussalam dalam usaha melaksanakan program-program pembangunan, kerana baginda penuh yakin kemakmuran dan kestabilan Negara Brunei Darussalam akan membawa kesan yang positif kepada Malaysia dan negara-negara di rantau ini.

Baginda bertitah, bahawa di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memainkan peranan yang aktif dan positif dalam ASEAN bagi mewujudkan kestabilan dan kemakmuran serantau. Penglibatan Negara Brunei Darussalam dalam usaha ini, titah baginda adalah merupakan satu sumbangan besar ke arah peningkatan keteguhan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau yang berkesan.

Persidangan Kemuncak Keempat ASEAN yang diadakan di Singapura pada bulan Januari lalu, titah baginda telah mencapai beberapa persetujuan yang penting dalam rangka meni ngkatkan kerjasama ekonomi ASEAN.

Lihat muka 14

Dari muka 1

tuk menghukum diri sendiri dan juga anak cucu yang tidak berdosa.

"Kedua-duanya adalah baik belaka; satu iaitu ketawa adalah sebagai tanda kita bersyukur. Sementara yang satu lagi iaitu menangis adalah menandakan keinsafan atau penyesalan di atas kesilapan-kesilapan kita yang telah lalu itu," titah baginda.

Sambungan dari muka 1

Baginda bertitah demikian di Majlis Santapan Negara sempena keberangkatan lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ke Malaysia yang berlangsung di Istana Negara di sini.

Baginda melahirkan kegembiraan dengan persetujuan di Sidang Kemuncak ASEAN agar cadangan penubuhan EAEC dibincangkan terus untuk meneliti langkah-langkah selanjutnya kerana persetujuan itu adalah merupakan suatu kemajuan ke arah pencapaian penubuhan EAEC.

Menyentuh tentang kadar perdagangan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, Kerajaan Negara Brunei Darussalam adalah berminat untuk meningkatkan lagi jumlah pelaburan di Malaysia dalam bidang yang akan dikenal pasti kemudian.

Serentak dengan itu baginda mengalu-alukan pelabur-pelabur daripada Malaysia untuk ikut serta dalam menjayakan proses perindustrian di Negara Brunei Darussalam.

Baginda yakin hubungan dua hala di masa-masa depan antara kedua-dua buah negara akan lebih cerah berdasarkan asas-asas persamaan yang kukuh seperti dalam bahasa, adat istiadat, bangsa, agama dan kebudayaan.

Asas inilah yang menjadi tulang belakang bagi perhubungan dan persahabatan yang ikhlas, titah baginda, yang dijalin juga kerjasama dan semangat hormat-menghormati terhadap kemerdekaan dan kedaulatan masing-masing.

Baginda yakin pertukaran lawatan di antara pemimpin di kedua-dua buah negara baik di peringkat raja mahupun peringkat menteri dan lain-lain peringkat pegawai di dalam kerajaan kedua-dua buah negara adalah mencerminkan betapa mesra dan eratnya hubungan itu di samping menyediakan peluang bagi pertukaran pendapat dan fikiran kedua belah pihak.

Titah baginda, melalui lawatan-lawatan itu kita telah dapat memupuk semangat persefahaman dan kerjasama yang baik, yang banyak menolong kedua-dua buah negara menjalani amalan saling bantu-membantu.

"Pengalaman di masa-masa yang lalu itu telah menjadi landasan yang berguna bagi kita meneruskan hubungan yang lebih luas lagi sebagai dua buah negara yang berjiran, dan bahkan bersaudara dalam erti yang sebenar-benarnya," titah baginda.

Banyak kemajuan boleh dicapai melalui gabungan tenaga dan fikiran, titah baginda, terutama sekali dalam bidang hal ehwal serantau, antarabangsa serta juga ekonomi.

Menyentuh tentang Wawasan 2020 yang merupakan rancangan jangka panjang yang akan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam semua bidang, baginda optimis wawasan ini akan berjaya insya-Allah, atau mungkin juga lebih cepat dari masa 30 tahun yang di tetapkan jika seluruh rakyat Malaysia memberikan dukungan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi.

Wawasan 2020 yang diperkenalkan oleh Malaysia itu telah meneroka konsep pembangunan yang mustahak termasuklah konsep keadilan sosial, konsep keadilan ekonomi, revolusi mental dan pembebasannya dari segala bentuk kongkongan, patriotism bangsa, masyarakat yang progresif dan saintifik dan lain-lain lagi.

"Kejayaan Malaysia adalah kejayaan rakan dan saudara. Bagi pihak kita yang menyaksikannya akan tumpang seronok dan gembira," titah baginda.

Baginda menghargai kerjasama dan bantuan moral yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia atas penubuhan Tabung Amanah Islam Negara Brunei Darussalam iaitu satu-satunya institusi kewangan yang beorientasikan hukum syarak.

### MAKLUMAN

RUANGAN "25 Tahun" Kekal Qaral Memerintah Di Atas Takhta yang biasanya dimuatkan dalam muka surat ini adalah disiarkan dalam muka surat 3 edisi ANEKA buat keluaran ini sahaja. — Penyunting.

# LAWATAN NEGARA KEBAWAH DYMM DAN KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI KE MALAYSIA



BAGINDA berdua ketika berkenan bergambar bersama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia dan Raja Permaisuri Agong Malaysia, serta ahli-ahli kerabat diraja Negara Brunei Darussalam dan Negeri Perak Darul Ridzuan (kiri).



KEBERANGKATAN tiba baginda berdua di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh telah dialu-alukan dengan persembahan silat dan kebudayaan sebagai tanda pembuka tirai keberangkatan baginda berdua ke Negeri Perak Darul Ridzuan.



BAGINDA berdua ketika berkenan berangkat ke Majlis Santapan Negeri di Dewan Santapan Istana Iskandariah, Kuala Kangsar yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Bainun bersempena dengan keberangkatan baginda berdua ke Negeri Perak Darul Ridzuan (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat melawat Madrasah Idrisiah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar (kiri).



BAGINDA sambil diperhatikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berkenan menerima cenderamata yang berupa sebuah potret Kolej Melayu Kuala Kangsar yang dibina pada tahun 1905 yang dipersembahkan oleh pengetua kolej tersebut, Encik Rashdi bin Ramlan (kanan).



Gambar-gambar oleh Harun Rashid dan Masmaleh HMA

BAGINDA dan adinda-adinda baginda ketika berkenan berangkat melawat ladang ternakan kuda National Stud Farm Tanjung Rambutan. Juga kelihatan ialah Duli Yang Maha Mulia Raja Nazrin Shah, Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan (kiri).



KEBERANGKATAN balik baginda dari Negeri Perak Darul Ridzuan di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah telah dialu-alukan dengan kibaran bendera Negara Brunei Darussalam dan Malaysia oleh sebahagian daripada dua puluh dua ribu penuntut sekolah. Juga kelihatan bagi mengucapkan Selamat Berpisah kepada baginda ialah Duli Yang Maha Mulia Raja Nazrin Shah, Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan (kanan).

# LAWATAN NEGARA KEBAWAH DYMM DAN KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI KE MALAYSIA





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima cenderamata sempena lawatan baginda ke Maktab Tentera Diraja Sungai Besi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia ketika menunaikan sembahyang fardu Jumaat di Masjid Negara. Juga kelihatan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia (atas), sementara gambar kiri baginda dan adinda baginda ketika membuat lawatan ke Maktab Tentera Diraja (RMC) Sungai Besi. Juga kelihatan ialah Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Mohd. Najib.





Gambar-gambar oleh Haji Sharbini Taha, Harun Rashid dan Masmaleh HMA

BAGINDA ketika berkenan menandatangani buku lawatan bersempena dengan lawatan baginda ke Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri juga kelihatan ialah adinda baginda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Dato Ali Abu Hassan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ketika berkenan berangkat ke Majlis Santapan Tengah Hari (atas), sementara gambar bawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan merasmikan penamaan dua jenis bunga orkid iaitu 'Oncidium Saleha Brunei' dan 'Renenopsis Saleha Brunei'.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan melawat Taman Burung di kawasan Tasik Perdana (atas). Juga kelihatan ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam. Sementara gambar kiri baginda ketika berkenan menyaksikan Pameran Batik dan Kraftangan Malaysia yang berlangsung di Seri Negara.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS . . . . Siri ke-627

# MASALAH TANGGUNGAN ORANG PEREMPUAN



YANG Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan.

Bahagian kesepuluh

TELAH sekata ulamak-ulamak Islam dan Ahli Fikah Islam dahulu dan sekarang bahawa perkara yang wajib diketahui dan belajar padanya ialah perkara Fardu Ain yang mesti diketahui, maka perempuan seperti laki-laki ialah dengan dua sebab:

1. Perempuan seperti laki-laki dalam tanggungan kerja-kerja agama.

2. Perempuan seperti laki-laki pada mendapat pahala di akhirat.

Adalah tanggungan perempuan seperti laki-laki itu dalam tanggungan kerja agama, kerana Islam telah mempertanggungkan perempuan seperti dipertanggungkan laki-laki iaitu pada mengerjakan sembahyang, puasa, zakat, haji, berbuat baik, berbuat adil, berbuat ihsan, ... jual-beli, berwakil, gadai (bukan dengan cara riba)... menyuruh orang berbuat makruf dan melarang dari mengerjakan mungkar ... dengan lain-lain tanggungan agama, melainkan pada setengah ketika dan keadaan dilepaskan tanggungan agama itu daripada perempuan.

Seperti kerana keberatan dan mengganggu kesihatan maka dilepaskan tanggungan agama itu seperti puasa dan sembahyang dalam masa haid dan nifas daripada perempuan.

Seperti tanggungan itu tiada sesuai dengan badan tubuh perempuan dan sifat-sifat perempuan seperti menjalankan tugas-tugas peperangan atau menjadi tukang kayu atau tukang besi....

Seperti tanggungan itu berlawan dengan tanggungan tabiat perempuan dari menjalankan tugas-tugas menjaga keluarga, mengasuh anak-anak, dan menguasai rumahtangga...

Seperti tanggungan itu membawa kerosakkan dan kebinasaan seperti perempuan itu bekerja dalam kerja bercampur laki-laki dan perempuan dalam pejabat dan kedai-kedai, kilang-kilang, sukan, berkelah.

Adapun perkara yang lain dari yang tersebut di atas ini adalah tanggungjawab sama perempuan dengan laki-laki.

Adakah orang-orang suka bahawa perempuan buat kerja-kerja yang menegah perempuan dari menjalankan tanggungjawabnya terhadap suaminya, rumahnya dan anak-anaknya.

Adakah orang-orang suka bahawa perempuan membuat kerja-kerja yang berat-berat merinsakan tubuh badannya, dan membawa hilang sifat-sifat perempuan sebagai perempuan dan membawa pada berbagai-bagai penyakit dan sengsara.

Adakah orang-orang suka bahawa perempuan itu digalakkan kerja yang campur aduk laki-laki dan perempuan itu di kedai-kedai, di gudang-gudang dan di pejabat-pejabat yang membawa kerosakan perempuan itu, kotor nama baik perempuan itu dan lenyap kejelitaan dan kemuliaan perempuan itu.

Adakah perempuan yang biasa perangai kotor dan tercebur dalam gejala lucah dan lacur itu boleh mendidik dan mengasuh anak-anak?

Inilah setengah-setengah dari bencana dan bala mencari jodoh laki-laki dengan bercampur gaul yang bebas, yang luar batasan adat resam Islam dan luar dari batasan siuman dan takwa.

Firman Allah Taala dalam Surah An-Nisa'a ayat 124 yang tafsirnya:

**"Barangsiapa orang mengerjakan amal yang disuruh oleh Islam sama ada ia orang laki-laki atau perempuan, padahal dia orang beriman mengucap dua kalimah syahadat (aku naik saksi dan aku ketahui dan yakin bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah kepada manusia dan makhluk) maka mereka akan masuk syurga. Dan mereka tiadalah diabaikan pahala mereka sekalipun sedikit seumpama titik di belakang biji buah kurma (tamar)."**

Firman Allah Taala dalam Surah Al-Ahzab ayat 35 yang tafsirnya:

**"Bahawa orang-orang Islam laki-laki dan orang Islam perempuan, orang-orang mukmin laki-laki dan orang-orang mukmin perempuan, orang-orang laki-laki yang taat dan orang-orang perempuan yang taat, orang-orang laki-laki yang kuat iman dan orang-orang perempuan yang kuat iman, orang laki-laki yang tekun dalam taat kepada Allah dan orang-orang perempuan yang tekun dalam taat kepada Allah, orang-orang laki-laki yang merendah diri dan orang-orang perempuan yang merendah diri kepada Allah orang-orang laki-laki yang bersedekah dan orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang laki-laki yang puasa sunat dan wajib dan orang-orang perempuan yang puasa wajib dan sunat dan orang-orang laki-laki yang memelihara kemaluannya dari haram dan orang-orang perempuan yang memelihara kehormatan anggotanya dari haram dan orang-orang laki-laki yang sentiasa ingat dan zikir kepada Allah dan orang-orang perempuan yang sentiasa ingat dan zikir kepada Allah dan kebesaran Allah Taala mana-mana tempat dan di mana-mana masa, maka Allah Taala sediakan bagi mereka yakni tiap-tiap golongan yang tersebut itu akan keampunan dari silap dan dari dosa, akan disediakan balasan dan pahala yang amat besar sama ada akhirat atau dunia".**

Dari itu tuan-tuan dan puan-puan umat Islam sila pilih mana golongan yang sesuai dengan keadaan, setelah tuan-tuan dan puan-puan kekal dengan iman dan sentiasa mengucap dua kalimah syahadat, pagi dan petang di mana dua kalimah syahadat itu pendinding dari kecewa dan kufur.

WALLAHU A'ALAM

(Bersambung)

# SEMANGAT PERSAUDARAAN DAN SIFAT IHSAN DALAM ISLAM

Menuju Keredaan Allah

KELOLAAN PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

HUBUNGAN antara insan yang ditanamkan ke dalam roh atau jiwa setiap Muslim sebagai warisan junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, mestilah kita pelihara, antara sesama Islam wajib wujud sifat tawasul iaitu hubungan silaturahim dan rahmah.

Ketiga sifat ini merupakan dasar dalam sosial, sistem kemasyarakatan dan adat susila orang-orang Islam.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam usaha menyampaikan pendidikan keislaman, baginda menekankan ketiga sifat yang telah disebutkan itu agar jangan dipermudahkan. Baginda mengumpamakan kaum Muslimin itu seperti isi dengan kuku dalam persaudaraan. Sabda baginda yang bermaksud:

**"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, hubungan kasih-mengasihi antara orang-orang mukmin dan pertalian mereka adalah diumpamakan sebagai satu badan, andainya sebahagian anggota menderita atau sakit maka yang lain turut merasakan, sehingga tidak tidur semalaman dan panasnya meluap ke seluruh badan."**

Begitu sekali semangat persaudaraan dan sifat ihsan dalam pengajaran Islam, pernah suatu kisah terjadi tentang Fatimah Az-Zahra dengan seorang pedalaman atau orang desa (Arab Badwi).

Suatu hari, di musim sejuk Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam didatangi oleh orang Badwi, tujuannya ialah minta belas kasihan kerana lapar dan kesejukan. Tetapi ketika itu baginda tidak memiliki apa-apa untuk diberikan, lalu Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memanggil Bilal meminta supaya tamu itu dihantar ke rumah Fatimah.

Begitulah prinsip Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, baginda tidak sekali-kali menghampakan dan tidak keberatan untuk menolong, tetapi ada kalanya baginda tidak terdaya memenuhi kehendak mereka.

Dalam hal ini maka orang yang pertama akan menerima tanggungjawab ialah keluarga atau orang yang paling dekat dengan Baginda dan yang Baginda sayangi, dari itu orang desa tadi telah dihantar ke rumah Fatimah Az-Zahra, puteri Baginda yang dikasihi.

Tetapi sebaliknya kalau Baginda menerima nikmat atau harta, seperti jaziah, maka orang yang akan mendapat bahagian ialah rakyat yang terlebih dahulu.

Pada suatu ketika Fatimah datang menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana dia tahu bahawa Baginda telah menerima harta dari Khaibar, lalu Fatimah meminta kepada Baginda sebahagian kecil sahaja untuk membeli seorang budak pembantu rumah bagi menolong dalam urusan-urusan rumah seperti menggiling gandum, kerana kerja itu sangat menyusahkan, tetapi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menolak permintaan Fatimah itu. Sabdanya : **"Tidak mungkin akan aku ringankan bebanmu sedangkan bebanan rakyat masih terlalu berat. Wahai Fatimah jangan risaukan terhadap pekerjaan yang kau tanggung itu, kerana ianya akan mendatangkan pahala bagimu."**

Kembali kepada orang desa tadi, apabila saja sampai di rumah Fatimah dia terus mengucapkan salam. Fatimah membalas salamnya sambil melayannya dengan cara yang selayaknya. Orang desa itu harian melihat keadaan rumah puteri Rasulullah, memandangkan rumahnya yang kecil dan serba sederhana.

Fatimah memerhatikan keadaan tetamu itu, melihat wajahnya yang mengharukan maka timbul perasaan hiba dan belas kasihan yang sangat mendalam di hatinya. Dia tahu bahawa tamunya itu memerlukan bantuan dan nampaknya sangat lapar serta menderita kesejukan kerana dalam perjalanan dia tidak memperolehi makanan sehingga mukanya pucat, kurus, cengkung dan tubuhnya kering lesu.

Ketika itu juga Fatimah teringat akan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

**"Sebaik-baik kebajikan ialah menolong orang yang sedang menderita."**

Dan sabdanya lagi yang ertinya :

**"Setiap peminta yang berdiri di hadapan rumahmu ada membawa rahmat, maka tersebahlah kepadamu untuk menerima rahmat itu atau menolaknya."**

Ajaran Rasulullah ini menyinari sanubari Fatimah dan telah menjadi darah dagingnya. Lalu dengan tidak berlengah dia terus masuk ke ruang dapur mencari-cari kalau ada sesuatu yang dapat diserahkan kepada tamu itu umpama makanan atau pakaian untuk menutup tubuh tetamunya itu dari tiupan angin yang terlalu sejuk itu.

Namun telah puas dia mencari tetapi tidak berhasil, jangankan makanan untuk pengalas perut sisa-sisanya pun tidak ada. Begitu juga pakaian tidak sehelai pun yang dapat diberikannya kepada tetamunya itu.

Fatimah tidak putus asa terus berusaha kerana dia khuatir rahmat yang dikatakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu akan luput daripadanya. Kebetulan bila dia berdoa terserempak tangannya pada kalung yang dipakainya. Dengan segera dibukanya kalung itu dan diserahkannya kepada Badwi (tetamunya itu) dengan rasa gembira dan puas.

Pemberiannya itu dibawanya ke hadapan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan Baginda sangat-sangat gembira dan menyuruh memanfaatkan kepada Badwi itu. Akhirnya Amr bin Yasir yang mendengar kisah kalung itu bersetuju membelinya dengan harga yang wajar dan dia memberi makan, pakaian dan melayani Badwi tadi dengan sebaik-baiknya. Setelah wang pemberian telah diserahkan Amr bin Yasir memberikan lagi seekor unta sebagai tunggangan orang desa itu pulang ke kampungnya. Begitulah sehingga akhir hubungan mereka sangat mesra dan orang desa itu pulang dengan senang dan hatinya gembira.

Di rumah Amr mengirim seorang pelayan kepada Fatimah untuk dijadikan pembantunya eserta kalung kesayangannya itu.

Fatimah rasa hairan dan merasa gembira menerimanya. Saat itu juga ia memerdekakan hamba tersebut.

Budak pelayan itu ketawa kegembiraan seraya berkata : "Ya ... puteri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, aku takjub menyaksikan kalungmu yang penuh berkat ini."

Mula-mula kalung tersebut memberi makan seorang yang amat lapar sampai kenyang, kemudian memberikan kenderaan untuk ia pulang ke kampung halamannya dan memberikan kesenangan (kekayaan) kepadanya secara mendadak. Kemudian memerdekakan se orang hamba dan akhirnya ia kembali ke tangan pemiliknya

Keterangan tersebut mengingatkan Fatimah kepada sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

**"Mereka yang bersifat pengasih dikasihi oleh Yang Maha Pengasih, kasihilah orang-orang yang di bumi agar kamu dikasihi oleh yang di langit."**

***MULA-MULA kalung tersebut memberi makan seorang yang amat lapar sampai kenyang, kemudian memberikan kenderaan untuk ia pulang ke kampung halamannya dan memberikan kesenangan (kekayaan) kepadanya secara mendadak. Kemudian memerdekakan seorang hamba dan akhirnya ia kembali ke tangan pemiliknya.***

# Beri pelajaran agama secukup-cukupnya kepada anak-anak kita




MARILAH kita terus meningkatkan takwa kita kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dengan mengerjakan apa jua suruhan-Nya dan menjauhi apa jua larangan-Nya.

Allah Subhanahu Wataala telah menurunkan peraturan dan ketetapan-Nya melalui Rasul-Nya Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pedoman dan tuntutan bagi umat manusia dalam menjalani kehidupannya sehari-hari agar manusia dapat menempuhi dan melalui jalan yang lurus, terhindar dari kesesatan dan terseleweng ke jalan yang tidak diredai Allah Taala.

Dalam hal ini, Allah berfirman yang ditujukan-Nya kepada Rasul-Nya dalam Surah Asy-Syuura ayat 52 yang tafsirnya kira-kira :

**"Dan sesungguhnya engkau (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) benar-benar memberi petunjuk kepada jalan yang lurus."**

Apa yang dimaksudkan dengan jalan yang lurus dalam ayat di atas tadi ialah petunjuk dan tuntutan ajaran-ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di mana ajaran dan tuntutan itu dapat menuntun dan membawa umat manusia ke arah jalan kebahagiaan yang sejati baik di dunia ini mahupun di akhirat nanti di mana tuntutan ajaran Islam inilah yang semestinya kita umat Islam khususnya menjadikannya sebagai pedoman hidup dalam kegiatan kita sehari-hari.

Dan sebagai umat Islam yang masing-masing mempunyai tanggungjawab terhadap keluarga masing-masing maka kita adalah sangat diberatkan oleh Allah Taala supaya tuntutan ajaran Islam itu diserapkan atau diajarkan kepada anak cucu dan kerabat-kerabat kita. Ini jelas sebagaimana firman Allah Taala dalam Surah Asy-Syuura ayat 214 yang tafsirnya kira-kira:

**"Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat."**

Ayat di atas tadi dengan tegas merupakan perintah dari Allah Taala agar memberi peringatan mengenai tuntutan ajaran Islam kepada anak-anak cucu, keluarga dan kerabat yang terdekat atau yang hampir kepada seseorang itu.

Maka berdasarkan ayat itu jelas menyatakan bahawa setiap para ibu bapa atau orang tua itu adalah berkewajipan untuk mendidik dan memberikan bimbingan agama kepada anak-anak dan keluarganya kerana dengan adanya kita para ibu bapa atau orang tua dapat memberikan tunjuk ajar dan bimbingan serta memberikan pendidikan agama secara khusus bukan dengan secara sambil lewa atau kurang mengambil berat.

Maka andainya kita semua dapat berbuat sepertimana yang diperintahkan Allah Taala tadi maka insya-Allah kita akan melihat nanti di mana anak-anak kita sejak kecil lagi akan terbiasa untuk mentaati dan menjalankan ajaran agama di mana sebagai akibatnya pula akan tumbuh menjadi generasi yang dapat memelihara dan meneruskan perkembangan dan tegaknya agama Allah dan sekaligus kita bererti telah dapat menyelamatkan diri dan keluarga kita dari ancaman seksa Allah sebagaimana firman-Nya dalam Surah At-Tahrim ayat 6 yang tafsirnya kira-kira:

**"Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu."**

Menjaga dan memelihara diri dan keluarga dari api neraka itu adalah merupakan dasar kewajipan dan tanggungjawab kita supaya memberikan pendidikan kepada anak kita tentang ajaran agama Islam, membimbing dan melatih mereka agar berbuat dan bersikap sebagai seorang Islam yang baik.

Oleh kerana itu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memerintahkan kepada kita supaya mendidik anak sebagai generasi di masa akan datang sebagaimana sabda Baginda yang maksudnya kira-kira:

**"Ajarlah anak-anak kamu kerana mereka itu dijadikan buat menghadapi masa yang bukan masa kamu (sebagai generasi penyambung)."**

Berdasarkan hadis tadi maka jelaslah bahawa tanggungjawab setiap para ibu bapa adalah menurunkan keturunan atau generasi penyambung yang lebih baik sama ada dari segi jasmaninya atau akal pemikirannya di mana keturunan yang bakal menjadi penyambung sewajarnya hendaklah lebih baik dan lebih berkualiti daripada generasi sebelumnya. Keturunan penyambung hendaklah ianya lebih kukuh keperibadiannya dan lebih kuat dalam segala aspek kehidupannya.

***AJAK dan bawalah anak-anak untuk sama-sama mengikuti dan menghadiri pelajaran-pelajaran, ceramah-ceramah dan syarahan-syarahan agama, ke masjid-masjid supaya jiwa keagamaan mereka semakin meresap dalam hati sanubari mereka.***

Apa yang menjadi kenyataannya dewasa ini ialah adanya gejala-gejala yang kurang sihat terdapat di kalangan beberapa generasi muda kita iaitu sebagai suatu kenyataan yang pahit yang boleh mendatangkan kekhuatiran bagi kehidupan kemasyarakatan di masa mendatang iaitu tidak lain kemerosotan atau keruntuhan akhlak seperti adanya pergaulan bebas tanpa batasnya.

Banyak perbuatan mereka yang telah jauh menyimpang dari tuntutan dan ajaran agama.

Keadaan yang tidak sihat itu timbul adalah kerana mereka tidak mengenal peraturan dan ketentuan Allah.

Dan hal ini adalah berpunca dari kurangnya perhatian untuk memberikan bimbingan dan didikan agama oleh para ibu bapa mereka yang terlibat itu sedangkan bilamana kejadian yang sedemikian itu berterusan maka tidak mustahil keturunan yang akan datang lebih buruk keadaannya daripada sekarang. Lebih lemah akal fikirannya dan lebih rosak akhlaknya dan budi pekertinya.

Allah Subhanahu Wataala telah memberi peringatan kepada kita selaku ibu bapa supaya hendaknya kita merasa perhatian dan merasa khuatir jika melihat anak keturunan yang lemah sebagaimana firman-Nya di dalam Surah An-Nisaa' ayat 9 yang tafsirnya kira-kira:

**"Hendaklah mereka takut jangan sampai meninggalkan anak keturunan yang lemah di belakangnya dikhuatiri akan sengsara. Sebab itu hendaklah mereka patuh kepada Allah dan hendaklah mereka berkata dengan perkataan yang betul."**

Dari ayat tadi jelas memperingatkan kita tentang apa dan bagaimana semestinya kita berbuat dan lakukan untuk menjamin keselamatan anak keturunan kita di masa akan datang.

Dan dari ayat itu juga kita dapat mengambil pengertian yang luas bahawa kelemahan anak-anak tidak hanya dilihat dari segi jasmani mereka semata-mata akan tetapi yang lebih diambil perhatian ialah kelemahan akidah mereka iaitu pegangan mereka terhadap agama.

Oleh itu marilah kita samasama meningkatkan usaha kita untuk memberikan pelajaran agama yang secukup dan selengkapnya kepada anak-anak kita di samping tidak melupakan pendidikan ilmu-ilmu lain yang berguna bagi kehidupan mereka di masa akan datang.

Ajak dan bawalah anak-anak untuk sama-sama mengikuti dan menghadiri pelajaran-pelajaran, ceramah-ceramah dan syarahan-syarahan agama, ke masjid-masjid supaya jiwa keagamaan mereka semakin meresap dalam hati sanubari mereka.

Di samping itu janganlah kita lupa untuk memohon setiap waktu kepada Allah kerana Dialah yang berkuasa dan berkehendak untuk menentu takdir diri seseorang iaitu dengan berdoa sepertimana yang diajarkan-Nya di dalam Al-Quran dalam Surah Al-Furqan ayat 74 yang tafsirnya:

**"Wahai Tuhan kami berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya dan jadikanlah kamu imam ikutan bagi orang-orang yang mahu bertakwa."**

Firman Allah lagi dalam Surah Al-Imran ayat 38 yang tafsirnya:

**"Wahai Tuhanku kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik, sesungguhnya Engkau sentiasa mendengar (menerima) doa permohonan."**

## وقت سمبهيڠ . امساك دان متهاري تربيت

وقت٢ سمبهيڠ امساك دان متهاري تربيت باݢي دائره بروني دان موارا مولأي دري هاري رابو، 15 شعبان، 1412 برسمأن 19 فيبواري، 1992 هيڠݢ كهاري ثلاث، 21 شعبان، 1412 برسمأن 25 فيبواري، 1992 اداله سفرت دباوه اين :—

| هاريبولن | ظهر برمولا | ظهر براخير | عصر برمولا | عصر براخير | مغرب برمولا | مغرب براخير | عشاء برمولا | عشاء براخير | امساك | صبح برمولا | صبح براخير | متهاري تربيت | هاريبولن |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| شعبان | | | | | | | | | | | | | فيبواري |
| 15 | 12.36 | 3.54 | 3.55 | 6.33 | 6.34 | 7.43 | 7.44 | 5.16 | 5.07 | 5.17 | 6.33 | 6.34 | 19 |
| 16 | 12.36 | 3.53 | 3.54 | 6.33 | 6.34 | 7.43 | 7.44 | 5.16 | 5.07 | 5.17 | 6.33 | 6.34 | 20 |
| 17 | 12.36 | 3.53 | 3.54 | 6.33 | 6.34 | 7.43 | 7.44 | 5.16 | 5.07 | 5.17 | 6.33 | 6.34 | 21 |
| 18 | 12.35 | 3.53 | 3.54 | 6.33 | 6.34 | 7.43 | 7.44 | 5.16 | 5.07 | 5.17 | 6.33 | 6.34 | 22 |
| 19 | 12.35 | 3.52 | 3.53 | 6.33 | 6.34 | 7.43 | 7.44 | 5.15 | 5.06 | 5.16 | 6.32 | 6.33 | 23 |
| 20 | 12.35 | 3.52 | 3.53 | 6.33 | 6.34 | 7.43 | 7.44 | 5.15 | 5.06 | 5.16 | 6.32 | 6.33 | 24 |
| 21 | 12.35 | 3.51 | 3.52 | 6.33 | 6.34 | 7.43 | 7.44 | 5.15 | 5.06 | 5.16 | 6.32 | 6.33 | 25 |

وقت سمبهيڠ دان امساك باݢي دائره بلأيت هندقله دتمبه تيݢ مينيت دان ددائره توتوڠ هندقله دتمبه ساتو مينيت منكالا باݢي دائره تمبوروڠ هندقله دكورڠكن ساتو مينيت تيف٢ وقت. سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نݢارا بروني دارالسلام دمولأي دري فوكل 12.45 تڠهاري.

# LAWATAN NEGARA K
# KEBAWAH DYMM RAJA





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Bainun menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Mufti Istana Negara di Majlis Persantapan Negara yang berlangsung di Istana Negara (atas).





Gambar-gambar oleh Haji Sharbini Taha, Harun Rashid dan Masmaleh Haji Mohd. Ali

BAGINDA berdua ketika berkenan berangkat ke Majlis Kunjungan Muhibah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia di Istana Negara (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan melawat Kilang Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) di Shah Alam (kiri).



BAGIND
ketika
bergamb
bersama
Maha
Paduka
Yang
Agong d
Maha
Paduka
Permais
Malaysia
Negara (

BAGINDA
Yang M
Seri Pad
Yang
Agong
ketika
berangka
Santapa
perlawan
berlangs
Hyatt S



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad di Carcosa Seri Negara.



انيكا
ANEKA

AKHBAR RASMI KERAJAAN · NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤليتا بروني
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

BILANGAN 8 | RABU 19 FEBRUARI, 1992. | رابو 15 شعبان، 1412 | PERCUMA

# KE ARAH MENDAULATKAN BAHASA MELAYU



*BANGUNAN Dewan Bahasa dan Pustaka yang berusia lebih 20 tahun ini tidak hanya menyumbangkan khidmat yang terbatas seperti membuat penyelidikan, mendokumentasikan, menggalakkan dan mengembangkan bidang bahasa dan sastera Melayu di Negara Brunei Darussalam bahkan menggalakkan penglibatan semua pihak dalam bidang bahasa dan sastera.*

RENCANA LANJUT DI MUKA 2

**ANTARA KANDUNGAN**


- **Pat-Pat Gulambir** — *muka 12*
- **Soalan Di Udara** — *muka 6*
- **Cerpen — Hadirmu kuterima** — *muka 6*
- **Rancangan Radio & TV** — *muka 8 & 9*

ANEKA Pelita Brunei

## Rencana

# PERANAN DBP DALAM MENGEMBANGKAN BAHASA

OLEH
DK. SAIDAH POA

BAGI menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 maka satu usul untuk membentuk sebuah badan bebas yang dinamakan Lembaga Bahasa telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri yang telah bersidang pada 19 April, 1960.

Lembaga Bahasa ini bertanggungjawab kepada kerajaan untuk memeriksa perkara-perkara yang berhubung dengan perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara ini.

Bagaimanapun setelah usul tersebut dihadapkan kepada kerajaan dan sebelum pihak kerajaan membuat sebarang keputusan, satu rombongan seramai lima orang telah dihantar oleh kerajaan ke Kuala Lumpur untuk memerhati dan mempelajari perjalanan pentadbiran yang dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Sekembalinya rombongan tersebut satu laporan telah dihadapkan kepada kerajaan yang menyarankan penubuhan dan pembentukan Lembaga Bahasa.

Pada 29 November, 1960, Majlis Mesyuarat Negeri telah mengambil keputusan untuk menerima pada dasarnya laporan yang dihadapkan oleh rombongan tersebut dan Lembaga Bahasa itu akan ditubuhkan dalam Jabatan Pelajaran yang diketuai oleh seorang pengarah dan pengarah pertama yang dilantik ialah Yang Berhormat Haji Awang Mohd. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar (sekarang dikenali sebagai Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar.

Oleh kerana nama Lembaga Bahasa ini difikirkan tidak sesuai dengan tugasnya, satu cadangan untuk menukar namanya telah dihadapkan oleh pengarah dan Majlis Mesyuarat Negeri telah mempersetujui nama Lembaga Bahasa ditukar menjadi Bahagian Bahasa dan Pustaka dan tetap menjadi sebahagian daripada Jabatan Pelajaran.

Bagaimanapun pada 1 Januari, 1965, Bahagian Bahasa dan Pustaka telah diasingkan daripada Jabatan Pelajaran dan namanya ditukar menjadi Dewan Bahasa dan Pustaka.



SEBAHAGIAN daripada pengunjung yang menyaksikan Pameran Koleksi Bruneiana Sempena 30 Tahun Bahasa Melayu Dalam Perlembagaan yang diadakan di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mengambil sempena Perlembagaan Negeri Brunei yang diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (sekarang dikenali sebagai Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien) telah menyempurnakan perletakkan batu asas bagi bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, bertempat di tapak bangunan Jalan Elizabeth II dan Jalan Stoney pada 29 September, 1965.

Bangunan ini mula digunakan pada 24 Ogos, 1967 dan dibuka rasmi oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Sahibol Rae' Wal Mashuarah Pengiran Muda Haji Muhammad Alam pada 29 September, 1968 dan bangunan ini menelan belanja lebih kurang B$42.6 juta.

Di samping ditubuhkan untuk melaksanakan kehendak Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Dewan Bahasa dan Pustaka juga melaksanakan lima tujuan dasar iaitu:

1. Berusaha dan berikhtiar mengembangkan dan meninggikan bahasa Melayu;

2. Menyesuaikan pemakaian bahasa Melayu yang telah dijadikan bahasa rasmi negara mengikut kehendak dan semangat Perlembagaan Negeri Brunei 1959;

3. Mengeluarkan atau menentukan pengeluaran buku;

4. Menyatupadukan ejaan dan sebutan dan mengadakan perkataan teknikal dalam bahasa Melayu; dan

5. Menggalakkan orang-orang yang berkebolehan dalam mempelajari bahasa Melayu.

Sebagai sebuah pusat pembinaan dan perkembangan bahasa dan sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka tidak hanya menyumbangkan khidmat yang terbatas seperti melakukan penyelidikan, mendokumentasikan, menggalakkan dan mengembangkan bidang bahasa dan sastera Melayu di Negara Brunei Darussalam tetapi juga menggalakkan penglibatan semua pihak dalam bidang bahasa dan sastera.

Ini terbukti dengan adanya usaha Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan seminar, simposium dan majlis dialog di mana peminat bahasa, sastera dan budaya dapat bersama-sama berkumpul untuk mendengar dan bertukar-tukar fikiran dan seterusnya membincangkan tentang perkembangan bahasa dan sastera Melayu.

Di samping itu jabatan ini juga mengambil berat terhadap penggunaan tulisan Jawi di negara ini yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran penggunaan dan pemahaman tulisan Jawi di kalangan generasi muda.

Bagi mencapai matlamat ini, Seminar Penyebaran dan Peningkatan Tulisan Jawi telah diadakan di Dewan Jubli Perak Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah pada 29 Julai, 1982.

Seterusnya Dewan Bahasa dan Pustaka juga pernah mengambil inisiatif mengadakan Seminar Kebudayaan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dari 12 Mei hingga 16 Mei, 1985 yang mana membincangkan beberapa isu penting mengenai kebudayaan Brunei.

Untuk melaksanakan dasar jabatan ini dalam mengembangkan dan meninggikan bahasa Melayu, beberapa peraduan telah diadakan bagi mencungkil bakat orang ramai seperti Peraduan Menulis Cerita Tatarakyat, Peraduan Menulis Buku Kesihatan, Peraduan Seni Lukis, Peraduan Ilustrasi Buku, Peraduan Menulis Cerpen, Peraduan Mari Bercerita dan sebagainya.

Hingga kini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah berjaya melahirkan sejumlah penulis, sasterawan, budayawan yang telah banyak memberikan sumbangan dalam usahasama meninggikan dan memperkembangkan bahasa Melayu.

Selain itu jabatan ini juga mengadakan bengkel atau kursus yang dikendalikan oleh pakar sama ada dari dalam atau luar negeri dan sejauh ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan Bengkel Penulisan Rencana Umum, Bengkel Penulisan Majalah Kanak-kanak, Bengkel Penulisan Novel, Bengkel Penulisan Cerpen, Bengkel Penyelidikan Dialek dan Bengkel Buku Bergambar/Buku Cerita Bergambar.

Dewan Bahasa dan Pustaka juga menganjurkan Minggu Pesta Buku di mana beberapa toko buku dari negara-negara jiran seperti Malaysia, Singapura dan beberapa buah kedutaan negara-negara ASEAN di Negara Brunei Darussalam serta beberapa buah jabatan kerajaan di negara ini dan toko-toko buku tempatan menyertainya.

Semenjak Negara Brunei Darussalam menjadi anggota pertubuhan ASEAN, negara ini telah melibatkan diri dalam kegiatan kebudayaan dan penerangan. Dalam usahasama ini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah terlibat dalam projek pengumpulan Anthology of ASEAN Literature dan Forms of Courtesy dan SEA Write Award.

Sebagai jabatan yang berperanan sebagai penerbit dan pengeluar buku, DBP sentiasa meneruskan usaha dalam menyediakan bahan bacaan bagi semua golongan masyarakat, kanak-kakak, penuntut dan orang ramai.

Sehingga bulan Julai 1987 jabatan ini telah menerbitkan sejumlah 334 tajuk buku dan bahan terbitannya ini merangkumi buku bacaan kanak-kanak, buku teks, buku bacaan tambahan, buku-buku umum, buku-buku sastera serta dua buah majalah iaitu Mekar dan Bahana dan sebuah jurnal iaitu Beriga.

Bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar pula mereka ini juga disediakan kemudahan untuk meminjam dan membaca buku di 46 buah Pusat Perhentian Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak di seluruh negara.

Dengan penambahan kakitangannya seramai 281 sehingga akhir tahun 1986, jabatan ini telah dapat membahagikan tugas dengan lebih bersistem melalui bahagian-bahagian yang ditubuhkan.

Bagi tahun-tahun mendatang DBP menaruh harapan yang tinggi bahawa kejayaan yang tercapai dapat diperluaskan dan dipertingkatkan lagi selaras dengan iklim dan kehendak negara. Harapan yang tinggi sedemikian ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa adanya kerjasama yang menyeluruh daripada semua pihak.



WAN Bahasa dan Pustaka akan menjadi tumpuan utama kanak-kanak sekolah di musim cuti kolahan.



SALAH satu aktiviti Dewan Bahasa dan Pustaka ialah dengan mengadakan jualan ulang tahun buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka.

## "٢٥ تاهون" ككل قارال ممرينته دأتس تختا

## "25 TAHUN" KEKAL QARAL MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

OLEH MOHD. SALLEH ABDUL LATIF

# INDUSTRI GAS TAMBAH PENDAPATAN HASIL NEGARA

INDUSTRI gas di negara kita ini bermula pada tahun 1955 dengan pembukaan Plant Gas Seria yang menelan belanja $14 juta.

Industri gas ini tambah penting kepada pendapatan hasil negara bila Kilang Gas Cecair Asli di Lumut dibuka pada tahun 1973.

Logi LNG di Lumut ini ditubuhkan oleh Brunei LNG Sendirian Berhad yang dipunyai bersama oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Kumpulan Royal Dutch Shell dan Perbadanan Mitsubishi, dan mengeksport 5 juta tan setiap tahun ke Jepun di bawah kontrak perjanjian 20 tahun yang dijangka akan mansuh pada tahun 1993.

Gas asli ini datang dari telaga-telaga luar pantai yang dipunyai oleh Brunei Petroleum Shell. Kilang di Lumut menapisnya lalu gas LNG itu dihantar ke Jepun dengan menggunakan tujuh buah kapal pengangkut gas LNG.

Kapal pengangkut gas ini direka sebegitu rupa seberat 100,000 tan, dan setiap kapal boleh membawa kapasiti 73,000 meter padu gas cecair LNG.

Pada tahun 1987 purata penghasilan gas ialah 885 juta kaki padu sehari berbanding pada tahun sebelumnya iaitu purata 842 juta kaki padu.

Negara Brunei Darussalam pengeluar keempat yang terbesar di dunia dalam gas LNG, dan dianggarkan sehingga tahun 1987 kira-kira 34 peratus simpanan gas di bumi telah disedut.

Logi Gas Cecair Asli di Lumut dibina berhampiran dengan Pantai Lumut yang kawasannya lebih dari 300 ekar dan menjadikannya sebuah kompleks perusahaan besar yang moden.



### RASMIKAN LOGI LNG

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan **Membuka Rasmi Logi Gas Cecair Asli di Lumut pada 4 April 1973** antara lain bertitah : **"Syarikat Gas Asli Cecair yang besar ini barang sudah tentu memainkan peranan yang sesuai dengan cita-cita negara yang mendukungnya. Dalam tahun-tahun yang akan datang ini terutama dalam waktu Negeri Brunei mengatur langkah dan melaksanakan rancangan pembangunan yang baru, adalah sepenuhnya diharapkan supaya syarikat-syarikat perusahaan dan perdagangan yang besar seperti syarikat ini akan memberikan sumbangan yang berkesan lagi bernilai dalam berbagai-bagai bidang dan peringkat rancangan itu nanti."**

Pembinaan logi yang besar ini menandakan kejayaan cemerlang negara dalam usaha mempergiatkan pendapatan negara yang selama ini cuma bersandar kepada minyak sahaja.

Lagipun perkembangan ini mengkukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara dan seterusnya mempertinggikan taraf hidup rakyat di samping memberi peluang-peluang pekerjaan di kalangan lepasan-lepasan sekolah yang begitu berminat dalam lapangan kerja yang memerlukan kemahiran-kemahiran tertentu.

Menurut Buku Tahunan Perangkaan Brunei 1986 yang diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi menunjukkan bahawa 5,250 juta meter padu gas asli telah dihasilkan untuk jualan pada tahun 1975 di mana penggunaan domestik ialah 37.7 juta meter padu. Manakala jumlah gas cecair petroleum yang dijual pada tahun 1975 ialah 1.5 metrik tan.

Pada tahun 1980 penghasilan gas asli untuk jualan meningkat pada 8,190 juta meter padu, di mana penggunaan domestik juga meningkat kepada 46.3 juta meter padu. Dan isipadu gas cecair petroleum yang dijual ialah 3 juta metrik tan.

Penghasilan gas asli untuk jualan menurun kepada 7,920 juta meter padu pada tahun 1982 sementara penggunaan domestik meningkat kepada 49.5 juta meter padu. Dan pada tahun itu isipadu gas cecair petroleum yang dijual ialah 2.7 juta metrik tan. Lihat data di bawah yang didapati dari Buku Tahunan Perangkaan Brunei 1986 :

| Tahun | GAS | | |
|---|---|---|---|
| | Gas Asli | | Gas Cecair Petroleum |
| | Jumlah Hasil Untuk Jualan | Penggunaan Domestik | Jumlah Penghasil Untuk Jualan |
| | Juta (biasa) meter padu | | 1,000 metrik tan |
| 1975 | 5,250 | 37.7 | 1.5 |
| 1976 | 6,925 | 36.4 | 2.1 |
| 1977 | 7,947 | 38.0 | 2.5 |
| 1978 | 7,789 | 46.4 | 3.0 |
| 1979 | 8,160 | 48.7 | 3.5 |
| 1980 | 8,190 | 46.3 | 3.0 |
| 1981 | 7,930 | 47.1 | 3.8 |
| 1982 | 7,920 | 49.5 | 2.7 |
| 1983 | 8,261 | 46.2 | 5.2 |
| 1984 | 8,359 | 46.0 | 5.7 |
| 1985 | 8,149 | 41.2 | 6.1 |
| 1986 | 8,170 | 43.3 | 5.9 |

### UNIT PETROLEUM

Ketika berkenan membuka rasmi Logi LNG di Lumut baginda juga bertitah, di masa-masa akan datang lebih ramai lagi pekerja-pekerja dari anak-anak tempatan untuk berkhidmat di semua peringkat dalam syarikat ini.

Di samping itu baginda juga menyeru anak-anak tempatan diberi latihan untuk membolehkan mereka menjadi pekerja-pekerja yang berkemahiran serta boleh berganding bahu membantu secara berkesan perkembangan dan kemajuan logi LNG ini khususnya dan negara amnya terutama dalam menghadapi tahun-tahun yang penuh cabaran.

Dalam hal ini di pihak kerajaan telah ditubuhkan Unit Petroleum pada tahun 1982 yang antara lain bertanggungjawab dalam mengawal, menyelia, menganalisa dan mengurus semua aspek perkembangan industri minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam baik dari segi tempatan mahupun antarabangsa dengan tujuan bagi melihat sebaik-baiknya kepentingan negara tercinta ini.

Kegiatan unit ini juga meliputi perundangan, ekonomi, teknikal, budget, operasi, komersil dan khidmat nasihat industri minyak dan gas sifatnya selaku badan pengawalan hubungan pihak kerajaan dengan pemegang-pemegang konsisi masa ini dan akan datang.

Menurut Buku Tahunan Brunei Darussalam 1989 terbitan Jabatan Penerangan bahawa Kerajaan Brunei memiliki 50 peratus dalam syarikat-syarikat besar seperti Brunei LNG Sdn Bhd; Brunei Coldgas Sdn. Bhd; Brunei Marketing Co. Sdn Bhd, Brunei Shell Tanker Sdn. Bhd dan Brunei Shell Petroleum Co. Sdn. Bhd. Suatu pencapaian yang agak baik di mana menunjukkan bahawa anak watan sanggup menyumbangkan pemikiran dalam bidang minyak dan gas baik secara langsung mahupun tidak langsung.

انيكا ANEKA Pelita Brunei

# HADIRMU KUTERIMA

OLEH
E. NURIEMAH



CERPEN

SUDAH genap tujuh belas tahun ibunya meninggal dunia. Ketika itu umur Husni tujuh tahun dan Hasnidah dua tahun. Masa itu Hasnidah belum tahu erti kehilangan. Sekarang dia berumur sembilan belas tahun, ayahnya pula yang pergi meninggalkan mereka. Menyahut panggilan Ilahi. Ketika jenazah ayahnya di- bawa turun dari rumah, Hasnidah hanya melihat sekejap saja, sesudah itu alam sekitarnya gelap-gelita. Bila dia tersedar hari sudah hampir malam.

"Apa yang terjadi bang Husni?" Tanyaku pada bang Husni yang duduk di birai katil.

"Kau pengsan tadi, sudahlah tu rehatlah." Bang Husni mencium keningku sambil berlalu.

Mataku terkebil-kebil melihat kegelapan malam.

"Hasni anak ayah, jagalah dirimu baik-baik, jadilah anak yang berguna untuk bangsa dan masyarakat, dan jangan lupa mengerjakan amal ibadat kerana itulah saja bekalan kita nanti, ingatlah pesan ayah ini anakku."

"Ayah! Ayah!....tunggu."

Husni di bilik sebelah terjaga.

"Dia bangun....bangun dik."

"Ayah! Jangan tinggalkan Hasni, tunggu Hasni,"

"Dik, bangun".....bangun dik."

"Ayah! Jangan tinggalkan Hasni, tunggu Hasni."

"Dik, bangun," Husni menggerakkan adiknya.

"Kenapa bang Husni."

"Kamu mengigau panggil ayah."

"Ayah!"

"Sudahlah dik, kan abang masih ada."

"Pagi itu seperti biasa aku bangun untuk menyediakan sarapan pagi.

"Tengah hari ni abang balik?"

"Tengoklah dulu kalau tidak nanti abang telefon."

Tinggallah aku seorang di rumah, maklumlah cuti sekolah. Selalunya ada ayah, kini ayah telah pergi untuk selamanya, bila menyedari itu hatiku sedih.

"Hasni, apa yang kau menungkan tu, abang balik pun tak sedar."

Lekas-lekas .kukesat kesan air mataku.

"Eee.....bang maafkan Hasni, tak sedar Hasni." Aku tidak berani memadang bang Husni takut dia tahu yang aku menanggis.

"Awal abang balik hari ini. "Aku menukar cerita.

"Abang kena bagi cuti, lusa abang dihantar kursus."

Aku hanya mendiamkan diri. Kini abang Husni pula nak Kursus, tinggallah kuseorang.

"Kalau boleh abang tidak mahu pergi, kasihan adik abang tinggal seorang di rumah."

"Tak apalah bang bukan lama lagipun Hasni, boleh minta Sharimah temankan." Aku mendekati telefon."

"Nak telefon buah hatikah?"

"Bukan, Hasni nak telefon sahabat Hasni, adakah dia mau temankan Hasni nanti, faham."

"Oooooo." Moncong mulut bang Husni. Aku cuma senyum.

"Ah! Macam tu lah, abang suka bila Hasni senyum."

"Apa selama ni abang tak pernah tengok Hasni senyum."

"Hello, boleh bercakap dengan Sharimah."

"Akulah. Hasnidah, sudah lupa.'

"Hei! Hasnidah." Teriak Sharimah di dalam telefon.

"Pelanlah sikit suara tu Hasni belum pekak lagi, sebenarnya Hasni telefon ni nak ajak Imah tinggal di rumah."

"Boleh, lagipun kan cuti sekolah, O.k Imah minta bang Syafik hantar esok."

"O.K, Hasni tunggu, assalamualaikum."

"Waalaikumussalam."

Di bilik bang Husni mengemas barang yang hendak dibawanya.

"Ada yang perlu Hasni tolong."

"Tak payahlah bukan banyak yang nak abang bawa."

Kedengaran telefon berdering di ruang tamu. Aku berlalu dari bilik bang Husni, mengangkat ganggang telefon.

"Ada Hasnidah?" Suara di telefon bertanya.

"Yah saya, saudara ni siapa?"

"Tak kenal suara saya."

"Tak kenallah, kenalah saya bertanya." Geram hatiku

"Ehee...jangan marah dulu."

"Apa yang kamu mau?" Marahku.

"Ingin mengenali Hasnidah lebih dekat lagi boleh?"

"Macam mana saya nak kenal saudara kalau tak ada nama."

Seperti yang dijanjikan, Sharimah datang ketika aku di dalam rumah.

"Hei! Sahabatku, apa khabar," Sharimah memelukku.

"Seperti yang kamu lihat sihat."

"Eh, kamu makin gemuklah Imah." Gurauku.

"Apa tidak asyik nak makan aje."

"Marilah naik." Jemputku.

"Esok abang berangkat pukul berapa?" Tanya Sharimah ketika kami makan tengah hari.

"Pukul lapan, abang harap Imah, jagalah Hasni." Aku cuma menjeling Sharimah.

"Insya-Allah bang." Kedengaran telefon berdering.

"Hasni, untuk kau." Panggil Sharimah.

"Hello"

"Hasnidah yah, apa khabar?"

"Macam biasa, kamu ni siapa?"

"Cepatnya lupa, bukankah semalam saya yang telefon."

"Oh! Yang tak ada nama itu?"

"Betul." Dia ketawa.

"Kenapa mahal sangat ke nama kamu tu?"

"Eee ...... Saya tak jual nama tau." ketawanya lagi.

"Habis tu kenapa kedekut sangat."

"Sampainya hati kata kita kedekut."

"Tau pun."

"Nanti kalau Hasnidah tahu, mungkin tak sudi lagi."

"Yang kamu tahu nama saya dari siapa."

"Seseorang." Talian telefon terputus.

"Gila." Rungutku seorang diri, Sharimah mendengar rungutanku.

"Siapa Hasni?"

"Manusia tanpa nama."

"Dia, tahu namamu." Aku menganggukkan kepala.

"Mungkin dia sudah lama ingin mendekati kamu."

"Jangan fikir hal tulah."

Sharimah memang tahu dengan sahabatnya ni, selalu menjauhkan diri dari lelaki. Sebab itulah dia kena gelar 'jinak-jinak merpati' semasa disekolah. Walaupun dia seorang yang peramah dengan siapa saja. Ramai lelaki yang ingin mendampinginya tapi dia layan macam biasa saja.

Pagi itu aku bangun awal menyediakan sarapan untuk bang Husni dan Sharimah. Selesai sarapan kami pun sedia bertolak.

"Tak ada lagi yang tinggal bang Husni."

"Semua sudah beres."

Di lapangan terbang kami jumpa Yanti. Katanya menunggu abangnya balik.

"Ingatkan Hasnidah tunggu buah hati." Usik Yanti.

"Ah, nanti bila kau kahwin akulah jadi pengepitmu nanti yah Hasni." Berderai ketawa kami bertiga.

"Hari minggu ni datang ke rumah yah."

"Kau nak bertunangkah?" Edarku mengusik.

"Bukanlah, majlis doa selamat untuk bang Fikri yang baru balik nilah."

"Insya-allah." Jawabku

"Imah, kamu ajelah yang pergi, Hasni malaslah."

"Kenapa pula? Kan Yanti tu sahabat kita, pergilah yah Hasni, please."

"Tapi janji tak lama tau."

"Janji." Sharimah keriangan. Telefon berdering. Aku yang mengangkat.

"Hello."

"Hello 'merpati putih'. Sapa suara di telefon, aku kehairanan.

"Kenapa saudara kata saya 'merpati putih."

"Kenapa tak boleh." Kedengaran ketawa lelaki itu, sakit hatiku mendengar.

"Tak, lucu pun." Aku meletakkan telefon.

"Kenapa?" Tanya Sharimah.

"Dia gelar kita 'merpati putih."

Seperti yang dijanjikan, malam minggu kami ke rumah, Yanti. Ramai sudah orang yang datang.

"Hasni, Imah masuklah." Jemput Yanti, membawa kami masuk dan mempersilakan kami makan. Yanti berlalu melayan tetamunya yang lain. Hasnidah tidak sedar yang dia diperhatikan oleh seseorang. Setelah jemputan semua sudah datang, Yanti mendekati pembesar suara.

"Saudara saudari sekalian minta perhatian sekejap."

Semua memandang pada Yanti.

"Sambil menjamu makanan apa kata kalau kita minta, bang Fikri menyanyikan satu lagu."

"Setuju." Suara ramai. Nama yang disebut tampil.

Lihat muka 5

**SHARIMAH memang tahu dengan sahabatnya ni, selalu menjauhkan diri dari lelaki. Sebab itulah dia kena gelar 'jinak-jinak merpati' semasa di sekolah. Walaupun dia seorang yang peramah dengan siapa saja. Ramai lelaki yang ingin mendampinginya tapi dia layan macam biasa saja.**

Dari muka 4

"Sebelum saya menyampaikan lagu ini saya ucapkan terima kasih kerana sudi datang. O.K lagu ini saya tujukan pada seorang yang berada di ruang tamu ini." Tepukan gemuruh.

"Hasni, handsome juga abang Yanti tu."

"Kawan perempuan dia pun keliling pinggang."

"Apa yang kau cakap ni."

"Orang handsome Imah, mereka selalu ego bila dipuji oleh perempuan." Kelihatan dari satu sudut ke sudut Yanti memperkenalkan abangnya

"Hasni, Imah ini saya kenalkan bang Fikri."

"Selamat berkenalan." Fikri menghulurkan tangannya.

Fikri merenung Hasnidah, semasa bersalaman dengan Hasnidah. Merah muka Hasnidah menahan malu. Bila Yanti dan abangnya berlalu Sharimah menyiku Hasnidah.

"Hasni Kau tak perasan ke yang Fikri merenung."

"Eh! Kau ada-ada sajalah Imah."

Kedengaran irama yang romantik dimainkan. Bagi yang berpasangan ada yang menari ada yang cuma berbual-bual. Seseorang mendekati rupanya Daud. Merah muka Sharimah bila Daud mengajak dia menari, alasannya aku keseorangan.

"Tak apalah Imah, pergilah bukannya selalu kan Daud," usikku.

Mereka pun berlalu. Aku hanya menjadi pemerhati saja.

"Hello, 'Merpati putih'." Tegur suara dari belakang.

Rasanya aku pernah mendengar suara itu. Aku paling badanku. Alangkah terkejutnyaku rupanya yang empunya suara di telefon itu Abang Yanti, Fikri.

"Masih ingat dengan saya, tentu Hasnidah ingatkan, dengan suara saya yang selama ini menjadi tanda tanya pada diri Hasnidah sekarang sudah berdiri di depanmu."

"Tapi, selama ni kamu di luar negeri kan."

"Yah, begitulah." Aku cuma mendiamkan diri.

"Sebenarnya Fikrilah yang minta nombor telefon Hasnidah dari Yanti." Sambungnya lagi. Lagu yang berkumandang tadi sudah berhenti, Daud dan Sharimah mendekati kami.

Sharimah mendekati Yanti yang melayan tetamunya.

"Kami balik dulu Yanti."

"Terima kasih Imah, mana Hasnidah?"

"Di kereta sudah agaknya." Yanti hairan kenapa Hasnidah balik awal.

"Fikri minta maaf." Sharimah memecah kesunyian, aku cuma mendiamkan diri.

"Apa jadi dengan kamu ni Hasni, marah orang tak tentu fasal. Fikri tu bercakap jujur. Imah hairan dengan kau ni. Selama ini kau tidak pernah berkelakuan begini. Kalau ada masalah katakanlah pada Imah, kita bukan baru berkawan." Ujar Imah panjang lebar. Ada juga benarnya kata-kata Sharimah itu.

"Maafkan Hasni, Imah."

"Sudahlah tu, Imah faham dengan perasaan Hasni tu."

Sarapan pagi itu sudah tersedia. Sharimah yang menyediakan."

"Ah Hasni, duduklah ini Imah yang buat sarapan."

Sharimah menungkan air kopi ke cawanku.

"Hemm... mm sedapnya." Sharimah cuma senyum.

Malam itu telefon berdering Sharimah yang mengangkat.

"Hasnidah ada."

"Tunggu yah."

"Hasni telefon dari Fikri."

"Apa yang dia mahu lagi."

"Jawablah dulu." Kata Imah sambil berlalu.

"Hello."

"Hasnidah, Fikri minta maaf kerana perkara semalam."

"Kenapa Fikri, tidak kenalkan diri Fikri dari awal."

"Sebenarnya bukan begitu maksud Fikri, tetapi oleh kerana mendengar cerita dari Yanti yang Hasnidah selalu menjauhkan diri dari orang yang bernama lelaki, maafkanlah Fikri."

"Hasni, maafkan."

"Terima kasih Hasni, terima kasih."

Talian telefon terputus. Mungkin dengan keadaan cuaca. Malam ini tidak ada bintang di langit, lagipun kilat sekali-sekala memancar.

"Imah mungkin nak hujan."

"Mungkin juga."

Pagi itu mereka dikejutkan oleh deringan telefon lagi.

"Siapa pula telefon pagi-pagi buta ni, kaujawablah Sharimah."

Sharimah turun dari katil dengan jalan yang masih mengantuk.

"Hello, Sharimah yah, tolong ke hospital sekarang juga, Yanti sakit kuat."

"Kan semalam Yanti masih....."

"Itulah yang menghairankan kami, tolonglah bawa Hasnidah sama, Yanti nak jumpa dia."

"O.Klah." Sharimah berlari ke bilik, membanguni aku.

"Hasni.....Hasni bangun kita ke hospital."

"Kenapa?" Tanyaku hairan.

Mataku yang mengantuk hilang sertamerta. Di hospital kami disambut oleh Fikri.

"Mari ikut saya." Fikri membawa kami ke bilik Yanti, aku dan Sharimah melihat sesusuk badan yang terlentang di katil, matanya terpejam. Fikri menggerakkan adiknya.

"Yanti bangun, ini Hasnidah dan Sharimah datang."

Perlahan-lahan kelopak mata itu terbuka.

"Hasni, Imah, dulu kita bertiga, mungkin sekejap lagi tinggal berdua saja." Ujarnya lemah.

"Kenapa Yanti, cakap macam tu."

"Rasanya umur Yanti....."

"Yanti jangan cakap macam tu."

"Sebelum Yanti pergi maafkanlah segala kesalahan Yanti selama ini."

Aku tidak tahan mendengar kata-kata Yanti itu, kutinggalkan bilik itu seketika. Kemudian Sharimah menyusuli aku keluar.

"Hasni, Yanti ingin jumpa kau, pergilah tabahkan hatimu, janganlah membuat dia serba salah."

"Imah." Kupeluk Sharimah.

"Pergilah, aku tunggu di sini." Aku masuk kembali menemui Yanti.

"Hasnidah, Yanti minta maaf padamu kerana tanpa keizinanmu memberi nombor telefon pada bang Fikri, dan menceritakan segala halmu padanya."

"Yanti hal itu tak penting sekarang, yang penting kesihatanmu, kau mesti sembuh."

"Amat tipis untuk itu Hasni." Aku menatap muka Yanti.

"Jangan cakap begitu Yanti."

"Satu saja permintaan Yanti, terimalah bang Fikri sebagai kemaafan Yanti." Aku cuma memandang Fikri seketika.

"Yanti."

"Kalau Hasni tak terima bang Fikri bererti Hasni, tak maafkan Yanti."

Aku hanya mendiamkan diri.

"Bang Fikri." Fikri mendekati adiknya.

"Yah, dik."

"Berjanjilah pada Yanti yang bang Fikri akan menyayangi Hasnidah seperti abang sayangkan Yanti."

"Abang berjanji dik."

"Yanti senyum, aku hanya mampu mengalirkan air mata. Fikri menggenggam tanganku. Tiba-tiba genggaman tangan Yanti di tanganku longgar.

"Hasni....Hasni." Aku terkejut bila namaku dipanggil. Kupalingkan badanku rupanya Fikri.

"Macam mana Fikri tau, Hasni ada sini."

"Husni yang beritahu tadi, apa yang dimenungkan tu asyik nampaknya."

"Teringatkan kisah lampau."

"Boleh ikut sama."

"Tak boleh itu rahsia saya."

"Takkan itu pun rahsia, kan Fikri ni tunang Hasni."

"Sebenarnya Hasni, ingatkan Yanti." Fikri merenungku.

"Sudahlah tu, mari kita balik." Fikri menarik tanganku.

Kerana Yanti kini aku menerima kehadiran lelaki.

**"*APA jadi dengan kamu ni Hasni, marah orang tak tentu fasal. Fikri tu bercakap jujur. Imah hairan dengan kau ni. Selama ini kau tidak pernah berkelakuan begini. Kalau ada masalah katakanlah pada Imah, kita bukan baru berkawan.*" *Ujar Imah panjang lebar. Ada juga benarnya kata-kata Sharimah itu.***

## PUISI

### LUKISAN KEMERDEKAAN

Setelah lama
kita menanai harap
calitan hati
membentuk potrait bebas
senyumnya menakah waktu
tiada merah mewarna darah
fikir yang telah matang
di tambak juang
maka
hasilnya pun dinikmati
dengan seruan:
Allahu Akbar
Allahu Akbar
Allahu Akbar
seru Bapa Brunei Moden
Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien.

Allahu Akbar
yang jadi penambat hati
kerana
perolehan yang begitu lama
difikirkan-fikirkan
bukan dari nenek moyang
mereka tertidur
oleh hitamnya suasana ketika
maka
sekarang baharulah
baharu,
anak-anak yang tidak lagi setahun jagung
fikirnya
bukan pada menikmati
calitan rentetan sementara
minyak pengecat
hijau memutar sejarah
tercalitlah nisan-nisan
yang dibuat begitu rupa
yang apabila dijamah para arkeologi
lambangnya
menginyah hati
merawan hiba
pun tergambar jelas
ketewasan diri
yang penuh ikut telunjuk
Raja Brooke
antara di belakang
lukisan malap itu.

Kemerdekaan
kini,
kemerdekaan
yang telah bertapak
sehingga ke takah tujuh
belum dapat menggambarkan
merah warna hijau
melambai permai
membesar
kian membesar
mahu bergelar bapak.

Kemerdekaan
yang kini
tersemat kuat
kukuh terpacak
di mana-mana
megahnya
lukislah
dengan cantik
lagi bergaya
pun di samping itu
jangan lupakan
pada yang punya jasa
anak-beranak
turun-temurun
punca bernegara

**HAJI MARIAT HAJI ABDULLAH.**

انيکا ANEKA Pelita Brunei

سنتياس برسام بيسکيت
Sentiasa Bersama Biskita

# سکيتر ار. تي. بي
# SEKITAR RTB

# UNTUK BISKITA

## SOALAN DI UDARA

SEPERTI biasa inilah lima soalan-soalan beserta jawapan yang telah dikemukakan dua minggu lepas - 31 Januari, 1992.

1. Buku kanak-kanak yang berjudul Rumah Besar Di Atas Bukit adalah salah satu dari buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam. Siapakah penulis buku tersebut?

Jawapan :
Haji Samat Haji Jamahat.

2. Nyatakan nama pusat bekalan air bagi Daerah Temburong.

Jawapan :
Loji Tapisan Air Sumbiling.

3. Dalam tahun berapakah bermulanya perusahaan gas di negara ini?

Jawapan :
Tahun 1955.

4. Apakah jenis vitamin yang banyak terdapat dalam minyak kelapa sawit?

Jawapan :
Vitamin E.

5. Apakah nama sejenis ikan yang mempunyai gigi yang sangat tajam seperti pisau cukur dan berbentuk runcing?

Jawapan :
Ikan Pirana.

---

Berikut ini pula lima lagi soalan-soalan baru untuk keluaran rancangan minggu ini - 14 Februari, 1992.

1. Nyatakan nama tiga buah tempat di Daerah Belait yang menjalankan perusahaan balak.
2. Sejak tahun berapakah bermulanya penggunaan ejaan baru di Negara Brunei Darussalam?
3. Apakah nama masjid yang dirasmikan pembukaannya pada 26 Ogos, 1966?
4. Siapakah pemain tenis termuda yang pernah memenangi Pertandingan Tenis Wimbledon?
5. Apakah nama negeri yang terkenal sebagai sebuah pulau yang terbesar dan juga merupakan sebuah benua yang terkecil di dunia?

**Tarikh tutup : 19 Februari, 1992.**

# SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SUDAH lapan tahun Negara Brunei Darussalam meraikan hari kebangsaan dan lapan tahun juga RTB telah dan akan memberi liputan acara utama, gambaran perayaan yang penuh sejarah ini.

Dari kaca mata biasa liputan sebegini nampaknya mudah memandangkan kegiatan yang berlaku tertumpu pada satu kawasan dan aktiviti yang berjalan yang sudah tersedia dan dirancangkan.

Walau macam manapun di pihak penyelenggara siaran televisyen dan radio banyak faktor yang diambil kira. Yang terpenting ialah menterjemah hasrat jawatankuasa perayaan setiap tahun ke bentuk visual dan pengedaran yang menarik dan berkesan.

Kita maklum setiap tahun perayaan hari kebangsaan mempunyai tema tersendiri. Tema inilah mahu difahami, dikupas, diselidiki dan dicari jalan supaya apa jua bentuk gambaran dan liputan adalah merupakan peralihan dari konsep bentuk visual yang dikhususkan kepada televisyen.

Apa yang dilihat di kaca televisyen tidak mungkin serupa dengan apa yang dipandang dengan mata kasar bila berada di tengah-tengah upacara (di stadium misalnya) walaupun kegiatan-kegiatan yang berjalan adalah sama. Tetapi di radio gambaran dibuat melalui pendengaran awda.

Kelainan ini adalah kerana pendekatan persembahan televisyen (siarannya) mementingkan liputan acara-acara utama dan ini dibuat semaksimum yang dapat dari limitation peralatan yang sedia ada. Penumpuan diberikan sedapat mungkin bagi merealisasikan hasrat jawatankuasa penyelenggara.

Di sinilah pentingnya mendekati pihak urusetia dari peringkat perancangan lagi.

Segala butir dicatat untuk digabungkan sebagai rencah-rencah rancangan.

Setiap tahun dicari jalan bagaimana meningkatkan mutu liputan. Butir-butirnya diperolehi dibincangkan dan dipersetujui bagaimana cara pendekatannya.

Ada di antara butir-butir ini mungkin tidak diberi perhatian oleh orang biasa tetapi amat mustahak bagi seorang penerbit. Di siaran televisyen misalnya, kedudukan matahari semasa perayaan perlu diketahui bagi menempatkan kamera supaya cahayanya tidak bertembung dengan lensa yang nanti menghasilkan 'flare'. Lampu-lampu di diasa VIP, jika diperlukan hendaklah tidak mengganggu kedudukan keselamatan dan protokol, langkah-langkah logistik jika terputus bekalan elektrik atau hari hujan dan cara-cara 'menapuk' mana-mana persembahan yang sumbang supaya tidak terdedah kepada tontonan melalui televisyen dan bermacam-macam karenah penerbitan tv.

Apa pun halangannya, tidak menjadi soal. Yang penting penerbitan televisyen seperti juga perkhidmatan yang lain ingin dan berhasrat untuk menjayakan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Untuk itu keseluruhan tenaga digembleng baik secara langsung atau tidak langsung bagi dilibatkan dalam kerja-kerja perayaan. Rancangan-rancangan, baik dalam bentuk dokumentari, drama, agama, hiburan dan umum serta juga promo-promo telah diterbitkan bagi meraikan suasana bersejarah itu.

Seperti juga televisyen, radio akan pasti keluar sebagai 'wira media' kerana peranannya mengenai tugas yang diamanahkan bukan sahaja memberigakan hari yang bersejarah itu kepada rakyat jelata malah mengisikan ruang-ruang masa tertentu dalam penjadualan hariannya dengan rancangan-rancangan yang mengagungkan dan memeriahkan hari kemegahan bagi rakyat Negara Brunei Darussalam.

Radio, beberapa minggu upacara hari kebangsaan berlangsung, telah mula memainkan peranan dengan mengumandangkan lagu-lagu patriotik ke udara, promo-promo, sebagai mencanangkan kepada rakyat sekaligus memberitahu untuk sama-sama bersedia memeriahkan hari bersejarah itu. Semakin hampir saat kemuncak hari kebangsaan semakin sibuk pula radio membuat persiapan.

Radio dari tiga bahagian, iaitu, Melayu, Inggeris dan Tionghoa, akan membuat ulasan secara langsung di kemuncak Hari Kebangsaan dengan membuat liputan penuh dengan peruntukan masa yang cukup dari mula hingga berakhirnya upacara, manakala bahagian Inggeris dan Tionghoa pula akan berkongsi siaran untuk liputan siaran langsung mereka.

Sehubungan dengan itu, bahagian Melayu dan Inggeris akan menyiarkan rancangan-rancangan berupa temuramah, dokumentari khas, forum, hiburan dan sebagainya untuk makluman rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Apa pun jua rancangan yang dibuat dan dijadualkan oleh RTB sempena hari kebangsaan ini tujuannya ialah semata-mata untuk memeriahkan hari bersejarah yang akan terus terukir dan terpahat di hati semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini. Marilah kita sama-sama mendukung perayaan hari kebangsaan dengan "MENANAI KEDAULATAN TANAHAIRKU".

## *PULUT TATAL DAN SOS CEMPEDAK (TIBADAK)*




**Bahan-bahan untuk pulut :**

500 gram pulut (rendam selama 2 jam)
1½ cawan santan
1 sudu teh garam
Daun pisang
Loyang empat persegi

**Bahan-bahan untuk sos:**

1 biji cempedak (ambil isinya saja)
2 cawan santan pekat
1 cawan gula pasir
1 cawan gula nipah
1 sudu teh garam

**Cara membuatnya:-**

1. Cuci pulut lalu toskan.
2. Pulut, santan dan garam disatukan dalam loyang lalu dikukus.
3. Setelah santan kering, kacau pulut hingga rata dan dikukus lagi hingga masak.
4. Setelah pulut masak tuangkan ke dalam loyang empat persegi yang telah dialas daun pisang.
5. Tekan pulut hingga rata dan padat.
6. Tutup dengan daun dan tindih dengan lesong.
7. Kisar isi cempedak.
8. Di dalam periuk, masak isi cempedak, santan, gula dan garam.
9. Biarkan mendidih dan pekat.
10. Potong pulut hidangkan dengan sos.

## NYA NINI . . .

## PENAWAR PETAI DAN JERING

ORANG-ORANG kitani khasnya orang-orang Melayu, apabila makan nasi kalau tidak dengan ulam-ulaman kurang enak. Petai dan jering adalah makanan yang disukai oleh orang-orang kitani, sama ada ia dimakan mentah atau direbus terutamanya jering. Tetapi ada merbahayanya bila jering dan petai dimakan secara sekaligus. Akibatnya bila kita hendak membuang air kecil terasa cukup sukar, dan terasa sakit, malah air kencing kita tidak lancar keluarnya. Macam terasa tidak puas buang air kecil.

Cara mengubatinya ialah : ambil pucuk nanas (daun nanas yang keras) bersihkan. Kemudian direbus dengan beberapa gelas air. Apabila air itu mendidih air nanas itu sejukkan dan diminum. Cubalah petua ini, insya-Allah.



Sentiasa Bersama Biskita

# سوسونن رنچاڠن راديو
# susunan rancangan RADIO

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

## BAHAGIAN MELAYU

### RABU, 19 FEBRUARI

Nikmah binti Dollah, tkrj 4850, k/p 058995 K; Aminah binti Dollah, tkrj 4853, k/p 076612 K; Md Salleh bin Abd Razak Sidi, tkrj 5476, k/p 065917 K; Mohd Zamari bin Wahab, tkrj 4854, k/p 063017 K; Abu Bakar bin Abdullah, tkrj 5478, k/p 065647 K; Othman Jailani bin Ismail, tkrj 5479, k/p 063159 K; Nor Hain bin Abd Rahman, tkrj 6238, k/p 055707 K; Khalid bin Hamit, tkrj 6239, k/p 061495 K; Ak Umar bin Pg Hj Mohd Said, tkrj 4714, k/p 065746 K dan Arifin bin Aris, tkrj 3687, k/p 063130 K.

## MAKLUMAN

PUSAT Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei akan mengadakan Pameran dan Jualan Khas di dua buah tempat pada 23 Februari - 8 Mac 1992 seperti berikut:

1. Dewan Pameran dan Jualan Tingkat Satu, Bangunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan.
   Pada tiap-tiap hari :
   Isnin – Khamis dan Sabtu – 7.45 - 12.15 sebelah pagi
   1.30 - 4.30 sebelah petang
   Jumaat dan Ahad – 8.30 - 12.00 tengah hari dan 1.00 - 4.30 petang
2. Dewan Pusat Pertukangan Tangan (PPT) Kawasan Perpisahan (sebelah Duty Free Shop), Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas. Pada tiap-tiap hari, dari jam 7.45 pagi - 10.00 malam.

## JABATAN PERHUTANAN
## KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 4 Mac, 1992 :

   JPH/1/1992 : MEMELIHARA 120 HEKTAR LADANG ROTAN PERDAGANGAN DI ANDULAU

   JPH/2/1992 : MEMELIHARA 40 HEKTAR LADANG ROTAN PERDAGANGAN DI LABI

   JPH/3/1992 : MEMELIHARA 115 HEKTAR LADANG ROTAN PERDAGANGAN DI LADAN

   JPH/4/1992 : MENYEDIAKAN TAPAK 200 HEKTAR LADANG KAYU KAWASAN 1, BAHAGIAN 12 DAN 13, SUNGAI MAU

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat yang terutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan indentiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan, Jalan Robert, Bandar Seri Begawan 2067.
5. Cagaran tawaran sebanyak $100.00 wang tunai adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (boa-fide tender) yang tidak berjaya.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau tawaran tinggi.

## JABATAN MUZIUM-MUZIUM
## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Tawaran : JMB/1/1992**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dibukakan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar sebagai pembuat/penjual/wakil penjual bagi Membekalkan Perahu, Enjin Motor Sangkut dan Trailer.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat melalui borang khas yang disediakan dan boleh didapati dari Bahagian Pentadbiran Jabatan Muzium-Muzium.
3. Penawar hendaklah membawa salinan lesen atau pendaftaran Syarikat dan menjelaskan wang cagaran sebanyak $200/= sebelum borang tawaran dikeluarkan wang cagaran akan dikembalikan kepada pemohon yang tidak berjaya.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal dan ditulis dengan

   BILANGAN TAWARAN : JMB/1/1992
   MEMBEKAL PERAHU/MOTOR SANGKUT/TRAILER
   TARIKH TUTUP : 7 MAC, 1992

5. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam
   Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,
   Tingkat 7, Bangunan Pusat Latihan Kesenian dan
   Pertukangan Tangan Brunei, Jalan Residency,
   Bandar Seri Begawan 1200, Negara Brunei Darussalam.
6. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Sabtu 7 Mac, 1992.
7. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Setiap tawaran hendaklah disertakan dengan katalognya/maklumat yang lengkap.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah (murah)
10. Berikut adalah masa-masa bagi menerima wang cagaran dan pengeluran borang tawaran.

| HARI | MASA | |
|---|---|---|
| | Dari | Hingga |
| Isnin hingga Khamis | - 8.00 pagi | - 11.00 pagi |
| Sabtu | - 8.00 pagi | - 10.00 pagi |

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
## MEMBEKAL PERABOT SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA

**Bilangan Tawaran : 1/1992**

1. PEMBEKAL-PEMBEKAL adalah dipelawa menghantar tawaran mereka kepada Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Ugama Bandar Seri Begawan tidak lewat hari Sabtu 22 Februari, 1992 jam 4.00 petang mengenai perkara di atas.

   Perabot yang dikehendaki adalah seperti berikut :-

   i) 1,500 pasang kerusi/meja penuntut. Buatan Singapura/Malaysia (TY-701SD/TY701SC)
   ii) 50 pasang kerusi (besi) meja guru (kayu)
2. Tawaran-tawaran hendaklah dikirimkan dalam sampul surat tertutup dan ditulis dengan perkataan MEMBEKAL PERABOT SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA tanpa membubuh atau menyatakan identiti pembekal dan memasukkan ke dalam Peti Tawaran di Tingkat 2, bilik No. 311, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam 1180.
3. Pembekal-pembekal adalah dikehendaki menyatakan harga tiap-tiap satu buah pasang dan tempoh pembekal dari tarikh mulai menerima surat atau pesanan rasmi dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.
4. Pembekal-pembekal yang berjaya, adalah juga akan bertanggungjawab pada menyediakan pengangkutan/penghantaran ke Sekolah-Sekolah Agama Daerah Brunei/Muara/Tutong/Belait/Temburong.
5. Penerangan lanjut mengenainya bolehlah diperolehi dari Jabatan Pengajian Islam, Bangunan Madrasah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu bekerja.
6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat memilih tawaran paling rendah atau murah.

# IKLAN-IKLAN

## JABATAN TELEKOM

**Bilangan Rancangan : JTB/TTG/0070**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong kelas A yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.
2. Tawaran-tawaran ini ialah bagi PENARIKAN DAN PENYAMBUNGAN KABEL-KABEL DI KAWASAN RSLU TANJONG MAYA.
3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam, sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin, 24 Februari, 1992.
   Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda :
   JTB/TTG/0070
   TAWARAN UNTUK "PENARIKAN DAN PENYAMBUNGAN KABEL-KABEL DI KAWASAN RSLU TANJONG MAYA".
5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari Ofis Pengarah Telekom, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam, dengan cagaran tawaran sebanyak $1000.00 yang akan dikembalikan dan $100.00 tidak akan dikembalikan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.
7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang dimestikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 10.00 pagi, Sabtu, 15 Februari, 1992 bertempat di The Line Plant Office, Tutong Exchange. Di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan Pembahagian Jabatan Telekom, Tutong.
8. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama di tempat pemasangan/pembinaan.
9. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau Cek Tempatan beserta dengan Bank Guarantee ataupun Pengesahan Bank.
10. Pemborong-pemborong hendaklah menyertakan salinan pendaftaran perniagaan bersama-sama dengan tawarannya.

## JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**Bilangan Tawaran : JPE/MTB/11/1992**

Tajuk Kerja :
INSTALLATION OF ROAD LIGHTING AT LEBUHRAYA HASSANAL BOLKIAH & RIPAS HOSPITAL INTERCHANGE.
Cagaran : $100.00
Tarikh Tutup : 12 Februari, 1992 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan
Kelayakan Pemborong : Penanaman kabel kelas A, B dan C.

**Bilangan Tawaran : JPE/MTB/36/1991**

Tajuk Kerja :
INSTALLATION OF FLOODLIGHTS AT LAND TRANSPORT BUILDING, GADONG.
Cagaran : $100.00
Tarikh Tutup : 12 Februari, 1992 jam 12.00 tengah hari,.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan
Kelayakan Pemborong : Pendawaian kelas A, B dan C.

**Bilangan Tawaran : JPE/LTK/040/1992**

Tajuk Kerja :
PEMASANGAN ALAT-ALAT HAWA DINGIN UNTUK CADANGAN PEJABAT BARU BAGI JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran : $100.00
Tarikh Tutup : 19 Februari, 1992 hari Rabu jam 12.00 tengah hari,.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan
Kelayakan Pemborong : Kelas "A", "B" dan "C" (Hawa Dingin) sahaja.

**PERINGATAN :**

**Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.**

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS

No. 245/1991

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Rosland bin Haji Bungsu kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Dayang Banun binti Dulamit yang telah meninggal dunia di Madinah dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 25 Februari, 1992, pada jam 9.00 pagi.

Bertarikh 25 Januari, 1992

No. 13/1992

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Ang Wah Bin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Fung Gut Gan yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 25 Februari, 1992 pada jam 9.30 pagi.

Bertarikh 25 Januari, 1992

No. 16/1992

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Awang Haji Abdullah bin Haji Md. Yassin @ Haji Mohd, Yassin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Matiasin bin Yusof @ Haji Mohd. Yassin yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam. dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 25 Februari, 1992 pada jam 9.45 pagi.

Bertarikh 30 Januari, 1992

No. 15/1992

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Ak. Sharifulazar bin Pg. Hj. Abd. Wahab kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Pg. Haji Abd. Wahab bin Pg. Kambar @Pg. Haji Abdul Wahab yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 25 Februari, 1992 pada jam 9.15 pagi.

Bertarikh 30 Januari, 1991

**PERINGATAN :**

**Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.**

**Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.**

## JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI

**Bilangan Tawaran : RTB/03/92**

Keterangan : 'SUPPLY OF PHILIPS/EEV VALVES

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal, ejen-ejen dan pengedar-pengedar injap-injap keluaran baru sama ada buatan Philips atau English Electric Valve Co. bagi tawaran seperti berikut :-
   "SUPPLY OF PHILIPS/EEV VALVE"
2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dengan membuat permohonan kepada Pengarah Radio dan Televisyen Brunei UP: Jurutera Penguasa, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja biasa, dari tarikh pemberitahuan tawaran hingga keempat (4) hari sebelum tarikh tutup tawaran.
   Tarikh Tutup Tawaran ialah pada hari Isnin 9 Mac, 1992

**Bilangan Tawaran : RTB/04/92**

Keterangan : 'SUPPLY OF EIMAC VALVE

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal, ejen-ejen dan pengedar-pengedar injap-injap keluaran baru sama ada buatan EIMAC Valve Co. bagi tawaran seperti berikut :-
   "SUPPLY OF EIMAC VALVE"
2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dengan mambuat permohonan kepada Pengarah Radio Televisyen Brunei UP: Jurutera Penguasa, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja biasa, dari tarikh pemberitahuan tawaran hingga *keempat* (4) hari sebelum tarikh tutup tawaran.
   Tarikh Tutup Tawaran ialah pada hari Isnin 9 Mac, 1992

## JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

| | |
|---|---|
| POS/03/1992 | : MEMBEKALKAN 30 BUAH "CASH BOX" UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN POS, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. |
| POS/04/1992 | : MEMBEKALKAN 300,000 KEPING "CLIP SEAL" UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN POS, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. |
| POS/05/1992 | : MEMBEKALKAN 3 BUAH "VAN" UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN POS, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. |
| POS/06/1992 | : MEMBEKALKAN 11 BUAH MOTOSIKAL UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN POS, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. |
| POS/07/1992 | : MEMBEKALKAN 2 BUAH "BUNDLING MACHINE UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN POS, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. |

1. BORANG-BORANG dan penerangan lanjut boleh diperolehi daripada,
   Bahagian Kewangan,
   Jabatan Perkhidmatan Pos,
   Pusat Memproses Surat dan Bungkusan
   Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan 2050
2. Tarikh tutup ialah pada hari Rabu 26 Februari, 1992 jam 2.00 petang.

## DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

**KEBANKRAPAN NO. 24 TAHUN 1991**

EX-PARTE : MADAM LIEW FOOK MEE ............ Penghutang Penghakiman/ Pemetisyen

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila Ambil Perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 4 Januari, 1992.
   Nama dan alamat : Madam Liew Fook Mee,
   Lot No. 4103, Simpang 2
   Jalan Sungai Pandan, Kuala Belait,
   Negara Brunei Darussalam.
   Tarikh Petisyen : Petisyen Penghutang bertarikh 31 Oktober, 1991.
b. Semua Si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.
c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
   Bertarikh : 23 Januari, 1992.

**KEBANKRAPAN NO. 27 TAHUN 1990**

OVERSEAS UNION BANK LIMITED ............ Pemiutang/Pemetisyen

VS

PG AZAHARI BIN PG HJ DAMIT
DK HJH NORSADAH BTE PG KULA ............ Penghutang/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila Ambil Perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 7 September, 1991.
   Nama dan alamat : Pg Hj Azahari bin Pg Hj Damit,
   Dk Hjh Norsadah bte Pg Kula
   23-B Kampong Madewa, Simpang 79,
   Bandar Seri Begawan 2688,
   Negara Brunei Darussalam.
   Tarikh Petisyen : Petisyen Pemiutang bertarikh 7 Oktober, 1990.
b. Semua Si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.
c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
   Bertarikh : 23 Januari, 1992.

# ...BAWAH DYMM DAN ...ISTERI KE MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima tabik 'hormat diraja' di Medan Parlimen. Juga kelihatan ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan memeriksa perbarisan kawalan kehormatan sejurus keberangkatan baginda di Medan Parlimen di mana istiadat sambutan rasmi keberangkatan baginda ke Malaysia berlangsung.

...berdua ...rkenan ...erangan ...uli Yang ...ulia Seri ...aginda ...ertuan ...Duli Yang ...ulia Seri ...nda Raja ...Agong ...i Istana ...(kiri).

...an Duli ...an Mulia ...a Baginda ...pertuan ...alaysia ...rkenan ...e Majlis ...sempena ...ngsif yang ...g di Hotel ...(kiri).



BAGINDA berdua dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia ketika berkenan menerima junjung ziarah pembesar-pembesar negara Malaysia sebelum Majlis Persantapan Negara berlangsung di Istana Negara.



BAGINDA berdua ketika berkenan berangkat ke Majlis Jemuan Teh bersama dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Sultan Selangor Darul Ehsan di Istana Alam Shah, Klang Selangor Darul Ehsan.



BAGINDA ketika berkenan berangkat ke Tugu Negara bagi upacara meletak kalungan bunga. Juga berangkat di upacara itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

...EBAWAH Duli Yang Maha Mulia ...aduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berkenan menerima mengadap Isteri Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah di Carcosa Seri Negara (kanan).



...uli Yang Teramat Mulia Paduka ...eri Pengiran Perdana Wazir ...ahibul Himmah Wal-Waqar ...engiran Muda Haji Mohamed ...olkiah dan Yang Teramat Mulia ...engiran Anak Isteri Pengiran Anak ...ajah Zariah, Duli Yang Teramat ...ulia Paduka Seri Pengiran ...igadong Sahibul Mal Pengiran ...uda Haji Jefri Bolkiah dan Yang ...eramat Mulia Paduka Seri ...engiran Anak Puteri Amal Umi ...althum Al-Islam ketika berkenan ...erangkat ke Majlis Persantapan ...egara yang berlangsung di Istana ...egara. Juga kelihatan ialah Per...dana Menteri Malaysia dan Datin ...(kiri).

## LAWATAN NEGARA KEBAWAH DYMM DAN KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI KE MALAYSIA

# Berangkat ke Majlis Santapan Negara

KUALA LUMPUR, 11 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan berangkat ke Majlis Santapan Negara bersempena dengan lawatan negara baginda berdua ke Malaysia yang berlangsung di Istana Negara di sini.

Keberangkatan tiba baginda berdua telah dialu-alukan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Bainun.

Sebelum berangkat ke Dewan Persantapan Negara majlis sembah kenal dimulakan di antara kerabat diraja dan kepada pembesar-pembesar negara di kedua buah negara dan seterusnya bergambar ramai sebagai kenang-kenangan lawatan negara baginda ke Malaysia.

Setelah berangkat ke Dewan Persantapan, lagu kebangsaan kedua buah negara telah dimainkan dan seterusnya bacaan doa selamat yang dibacakan oleh Dato Abu Hassan Al-Hafiz, Pegawai Agama Istana Negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia di majlis itu juga telah berkenan mengurniakan titah.

Berangkat sama di Majlis Santapan Negara ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan lain-lain kerabat diraja.

Hadir sama di majlis itu ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah serta lain-lain pembesar negara kedua buah negara.

Selepas menikmati santapan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain telah berkenan menyaksikan persembahan kebudayaan diraja yang berlangsung di Laman Istana Negara.

Antara persembahan yang dipersembahkan ialah pukulan kompang yang merupakan alat muzik tradisional Melayu yang digunakan untuk majlis keramaian dan berfungsi sebagai acara rekreasi dan pertandingan.

Persembahan ini lebih dikenali dengan 'Overture' yang berasal dari negara Parsi.

Lain-lain persembahan termasuklah Tarian Randai yang berasaskan pergerakan silat dengan melambangkan masyarakat Minang di Negeri Sembilan yang masih berpegang kuat dengan adat istiadat Minangkabau, Persembahan Layang Mas yang mengisahkan bagaimana raja pada zaman dahulu gemar bermain layang-layang, Persembahan Rodat iaitu sebuah tarian yang popular di Terengganu; Tarian Ule Nugan dari Suku Kaum Ulu Kenyah; Tarian Adai-adai yang dicipta khas sebagai meraikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, yang mana tarian ini popular di Negara Brunei Darussalam.

Lain-lain persembahan ialah Tarian Songket, Tarian Payung Mahkota dan Tarian Pesta Menuai dan seterusnya di akhir majlis, lagu Adai-adai dari Negara Brunei Darussalam dan lagu Amboi-amboi dari Malaysia telah dipersembahkan.

# Pasukan Kebawah DYMM memenangi perlawanan golf persahabatan

KUALA LUMPUR, 12 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah berkenan berangkat ke Majlis Santapan sempena perlawanan golf pasukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pasukan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia di salah sebuah hotel terkemuka di sini tengah hari ini.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Di sebelah pagi telah diadakan perlawanan golf antara kedua buah pasukan di mana pasukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memenangi perlawanan iaitu 5½ berbalas 4½ kepada pasukan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, di Padang Golf Soujana.

Pasukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia berkenan mengurniakan hadiah kepada para pemenang.

# Keberangkatan tiba dialu-alukan oleh Perdana Menteri Malaysia

SUBANG, 11 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah selamat berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang di sini iaitu dalam rangka lawatan negara baginda berdua ke Malaysia.

Lawatan selama lima hari ini adalah merupakan lawatan baginda berdua bagi kali ketiga, yang mana sebelum ini baginda berdua telah berkenan membuat lawatan ke Malaysia dalam bulan Mac 1984 atas undangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ketika itu, sementara kali kedua, baginda berkenan membuat lawatan rasmi ke Negeri Selangor Darul Ehsan pada bulan November 1989.

Pesawat khas yang membawa baginda berdua telah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang kira-kira jam 10.15 pagi dan sejurus selepas mendarat baginda berdua telah dijunjung berangkat keluar dari pesawat melalui aerobridge oleh Ketua Protokol, Dato Zainal Abidin bin Alias dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Keberangkatan tiba baginda berdua kemudiannya dijunjung dan dialu-alukan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah.

Baginda berdua seterusnya diiringi dan diperkenalkan kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato Abdullah Ahmad Badawi dan Datin, kepada Yang Berhormat Dato Haji Abu Hassan, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Datin yang mana juga selaku Menteri Pengiring kepada baginda berdua.

Baginda berdua juga seterusnya diperkenalkan kepada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato Mustapha bin Mohammad dan Datin sebelum berehat sebentar di Bilik VIP Bunga Raya, dan seterusnya menaiki kenderaan khas yang membawa baginda berdua dengan diiringi oleh Perdana Menteri Malaysia dan Datin menuju ke Medan Parlimen di mana istiadat sambutan rasmi untuk baginda diadakan.

Berangkat sama dalam lawatan negara ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam serta Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Juga menyertai dalam rombongan baginda berdua ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Menteri Pendidikan dan Datin Paduka Dayang Hajjah Zahrah, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Timbalan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Nawawi dan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin serta kira-kira dua puluh lima orang ahli rombongan yang lain.

# Kebawah DYMM berangkat melawat kilang PROTON

SELANGOR DARUL EHSAN, 12 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Kilang Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) yang terletak di Shah Alam, di sini hari ini.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah,; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris serta lain-lain rombongan termasuklah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Keberangkatan tiba baginda dan rombongan di pintu masuk kilang PROTON dijunjung serta dialu-alukan oleh Pengarah Urusan PROTON, Tuan Mitsuo Hattori dan Pengerusi PROTON, Tan Sri Jamil Mohd. Jan.

PROTON ditubuhkan pada 7 Mei 1983 untuk mengeluarkan kereta nasional Malaysia. Kilang ini didirikan di atas kawasan seluas 550,00 meter persegi berkemampuan mengeluarkan 80,000 unit kereta setahun di dalam operasi dua syif.

Kereta PROTON Saga yang pertama dikeluarkan dari kilang ini ialah pada 9 Julai, 1985 dengan modal yang dibenarkan ialah M$500 juta.

Pemegang-pemegang saham PROTON ialah Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Berhad (HICOM) iaitu 45 peratus; Menteri Kewangan yang diperbadankan sebanyak 25 peratus; Mitsubishi Corporation 13 peratus; Mitsubishi Motors Corporation juga 13 peratus dan Kuala Pura Sendirian Berhad sebanyak 4 peratus.

PROTON menitikberatkan kualiti dalam semua aspek pengeluaran piawaian dan pengawalan kualiti yang tinggi dan ketat terbukti melalui kualiti hasil keluaran, kualiti proses pengeluaran dan kualiti tenaga kerja.

Baginda dan rombongan telah berkenan berangkat melawat ke proses pengeluaran bermula dari seksyen pembentukan yang antaranya ialah pengimpalan badan kereta, pengimpalan tompok menggunakan robot, pemasangan dan pengemasan.

Kemudian baginda dan rombongan dijunjung melawat ke proses mengecat awalan seperti rawatan fosfet, pengeringan ketuhar lalu menuju ke pemasangan pendawaian seterusnya ke seksyen pemasangan enjin.

Beberapa ketika baginda berhenti di kawasan kawalan mutu bagi memerhati lebih dekat tentang bagaimana kukuhnya ujian jajaran dinamik dan ujian brek bagi kereta Proton Saga yang sudah siap dilakukan.

Menurut pamplet taklimat yang disembahkan oleh PROTON bersempena dengan keberangkatan baginda ke kilang ini mencatatkan bahawa Negara Brunei Darussalam telah mengimport 299 unit kereta Proton Saga sehingga bulan Disember 1991.

Sepanjang tahun 1987/1988 sebanyak 120 unit kereta ini diedarkan ke Negara Brunei Darussalam. Manakala tahun 1989 dan 1990 masing-masing 20 unit dan tahun 1991 sebanyak 69 unit.

LAWATAN NEGARA KEBAWAH DYMM DAN KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI KE MALAYSIA

Liputan oleh
Mohd. Salleh Abdul Latif
dan Zubaidah HS

# Rombongan diraja diraikan oleh PM Malaysia

KUALA LUMPUR, 14 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berkenan berangkat ke Majlis Santapan Malam di Sri Perdana, Rumah Kediaman Rasmi Perdana Menteri Malaysia di sini.

Keberangkatan tiba baginda berdua dijunjung oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Hadir sama di Majlis Santapan Malam itu ialah Menteri Kewangan Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Anuar Ibrahim dan Menteri Luar Malaysia, Yang Berhormat Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berbual mesra dengan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia hampir dua puluh minit.

Manakala itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pula berkenan berbual mesra dengan isteri Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah.

Terdahulu dari itu baginda berdua telah berkenan menandatangani buku lawatan Sri Perdana, Rumah Kediaman Rasmi Perdana Menteri Malaysia.

Buku lawatan yang sama juga berkenan ditandatangani oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Baginda berdua telah berkenan bergambar bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah, isteri Perdana Menteri Malaysia.

# Berangkat tunaikan sembahyang fardu Jumaat di Masjid Negara

KUALA LUMPUR, 14 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah berangkat menunaikan sembahyang fardu Jumaat di Masjid Negara di sini hari ini.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah.

Baginda adalah dalam rangka lawatan negara ke Malaysia selama lima hari bermula 11 Februari lepas.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia juga bersama-sama menunaikan sembahyang fardu Jumaat.

Selepas menunaikan sembahyang fardu Jumaat, baginda telah berkenan menerima junjung ziarah dari para jemaah yang bersama-sama menunaikan sembahyang itu.

Para jemaah yang terdiri daripada rakyat Malaysia tersenyum riang apabila berpeluang bersalam-salaman dengan baginda.

# 22 ribu penuntut mengalu-alukan lawatan rombongan diraja di Perak Darul Ridzuan

IPOH, 13 Februari. — Seramai 10 ribu penuntut sekolah dari Negeri Perak Darul Ridzuan berbaris di sepanjang jalan dari Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah hingga ke Jalan Sultan Azlan Shah Utara sejauh 13 kilometer mengibar-ngibarkan bendera Negara Brunei Darussalam, bendera Malaysia dan bendera Negeri Perak Darul Ridzuan ketika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha melalui sepanjang jalan tersebut dalam kereta diraja menuju ke bandar diraja Kuala Kangsar.

Setiba rombongan diraja ke bandar diraja Kuala Kangsar seramai 12 ribu penuntut sekolah lagi berbaris dengan mengibarkan ketiga-tiga keping bendera tersebut sepanjang 8 kilometer bagi terus menuju ke Kolej Melayu Kuala Kangsar.

Sebelum itu keberangkatan baginda berdua di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah telah dialu-alukan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Nazrin Shah, Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan dan Yang Amat Mulia Raja Dato Seri Azureen.

Keberangkatan baginda ke Ipoh adalah dengan menggunakan pesawat khas yang bertolak dari Lapangan Terbang Antarabangsa Subang yang memakan masa setengah jam.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan lain-lain ahli rombongan.

Sebelum baginda diperkenalkan dengan orang-orang kenamaan dari Negeri Perak, baginda berkenan menyaksikan persembahan silat sebagai pembuka tirai keberangkatan baginda ke Negeri Perak Darul Ridzuan.

Di kiri kanan hamparan permaidani merah dari pintu penerbangan khas ke barisan orang-orang kenamaan Negeri Perak di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, duduk bersimpuh gadis berpakaian baju kurung sambil memegang bunga telur yang diadun sebegitu rupa dalam pasu di samping barisan pemuda berpakaian cara Melayu memegang bunga manggar.

Ketika baginda disembah kenalkan kepada orang-orang kenamaan Kerajaan Negeri Perak beberapa persembahan kebudayaan disembahkan dengan iringan muzik yang lembut mengalun berligar di kawasan khas itu.

Keberangkatan baginda ke Ipoh, Negeri Perak Darul Ridzuan adalah dalam rangka lawatan negara baginda ke Malaysia selama lima hari yang bermula 11 Februari lepas.

Aturcara lawatan negara baginda ke Malaysia termasuklah ke Ipoh ini ialah keberangkatan lawatan ke Kolej Melayu Kuala Kangsar, lawatan ke Madrasah Idrisiah, santapan tengah hari diraikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong di Istana Iskandariah dan lawatan ke ladang ternak kuda National Stud Farm di Tanjung Rambutan.

Baginda dan rombongan berangkat balik dari Ipoh pada kira-kira jam 6.30 petang pada hari itu juga menuju ke Lapangan Terbang Subang, Kuala Lumpur.

# Kebawah DYMM berangkat melawat Ladang Ternak Kuda

IPOH, 13 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat ladang ternak kuda National Stud Farm (NSF) di sini hari ini.

Baginda diiringi oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Nazrin Shah, Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan ahli-ahli rombongan baginda.

Keberangkatan tiba baginda di ladang tersebut dijunjung oleh pengerusi ladang tersebut, Tuan Ananda Krishnan yang juga berpeluang menyembahkan kegiatan ladang ternak kuda tersebut.

Baginda juga berkenan menyaksikan tunjukcara menjinakkan seekor kuda muda dan menyaksikan perbarisan kuda jantan dan kuda betina dengan anak-anaknya yang dilahirkan di ladang itu.

Kini terdapat dua ekor kuda jantan baka baik di National Stud Farm dari jenis baka 'Savoureux' dan 'Field Glass' yang boleh memberikan baka terbaik kepada pemilik-pemilik kuda Malaysia yang ingin membiakkan kuda mereka.

Berdasarkan anggaran semasa, Savoureux dan Field Glass akan menghasilkan kira-kira 30 ekor kuda baka baik tiap seekor pada tahun ini apabila 60 ekor kuda betina yang kini dipelihara di National Stud Farm melahirkan anak pada suku ketiga 1992.

Terletak di Tanjong Rambutan, di sini, National Stud Farm telah ditubuhkan pada tahun 1969 untuk tujuan pembiakan kuda baka bermutu tinggi di Malaysia.

Di samping berkenan menyaksikan dan berkenan mendengar taklimat yang disembahkan oleh Pengurus NSF itu, baginda juga berkenan menerima cendermata yang berupa 'one seater hovercraft' dari jenis sensor ACV 300S.

# BERKENAN BERANGKAT MELAWAT TAMAN BURUNG

KUALA LUMPUR, 14 Februari. — Dalam rangka lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada hari keempat ke Malaysia, baginda telah berkenan berangkat melawat Taman Burung yang terletak di kawasan Tasik Perdana di sini.

Berangkat sama dalam lawatan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam. Juga hadir ialah Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajjah Dayang Rosnah dan Datin Paduka Dayang Hajjah Zahrah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan rombongan ke taman tersebut telah diiringi oleh Datin Hajjah Wan Noor dan seterusnya dijunjung dan dialu-alukan oleh Puan Sri Datin Fawziah Elyas, isteri Dato Bandar Kuala Lumpur dan pengarah taman tersebut Encik Lau Li Cheng.

Keberangkatan baginda dan rombongan juga dialu-alukan dengan barisan pembawa bunga manggar dengan berpakaian tradisional negeri-negeri di Malaysia. Kemudiannya baginda dijunjung melawat Taman Burung yang mempunyai kira-kira 7,616 ekor burung dari 300 spesis yang berterbangan bebas di dalam suasana taman yang semula jadi. Di sepanjang lawatan itu baginda berkenan menerima penerangan mengenai burung-burung di taman itu dari Pengurus Taman Burung, Awang Abd. Aziz bin Muhammad.

Taman Burung yang mempunyai keluasan 3.2 hektar dan merupakan yang terbesar di rantau sebelah sini telah dibuka dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Bainun pada bulan November, 1991.

Di taman itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga telah berkenan menerima cenderamata, dua ekor burung Murai Batu yang disembahkan oleh Pengarah taman itu Encik Lau Li Cheng. Dari Taman Burung baginda kemudiannya dijunjung melawat Taman Orkid.

Di Taman Orkid baginda berkenan merasmikan penamaan dua orkid jenis hybrid. Orkid-orkid tersebut telah dinamakan sebagai 'Oncidium Saleha Brunei' dan Renenopsis Saleha Brunei', iaitu mengambil sukut daripada keberangkatan baginda ke taman itu.

Seterusnya baginda dan rombongan juga telah dijunjung melawat Taman Rama-rama yang mempunyai kira-kira 10,000 ekor rama-rama daripada 120 spesis. Keberangkatan baginda di sana telah dijunjung dan dialu-alukan oleh pengarah taman itu Encik George Leaw.

## LAWATAN NEGARA KEBAWAH DYMM DAN KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI KE MALAYSIA

# Berangkat melawat Kolej Melayu Kuala Kangsar

IPOH, 15 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berkenan berangkat ke Kolej Melayu Kuala Kangsar di sini hari ini.

Keberangkatan baginda berdua diiringi oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Nazrin Shah, Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan dan Yang Amat Mulia Raja Dato Seri Azureen.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris serta lain-lain ahli rombongan.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud dan Pengetua Kolej Melayu Kuala Kangsar, Encik Rashidi bin Ramlan.

Kedua-dua baginda telah disembahkenalkan kepada dif-dif yang hadir sebelum berangkat naik ke pentas diraja bagi menerima tabik hormat diraja dari pasukan kadet, pasukan pancaragam dan pasukan-pasukan pakaian seragam Kolej Melayu Kuala Kangsar yang berjumlah lebih 200 penuntut semuanya yang terlibat dalam acara persembahan itu.

Setelah berkenan menyaksikan persembahan seni silat cekak maka baginda berkenan membuka tirai batu peringatan sempena keberangkatan baginda ke Kolej Melayu Kuala Kangsar.

Kolej Melayu Kuala Kangsar didirikan pada tahun 1905 di kawasan tanah yang ditawarkan oleh Sultan Idris dari Negeri Perak pada ketika itu yang berdekatan dengan bandar diraja Kuala Kangsar.

Kolej ini juga sering disebut sebagai sebuah sekolah yang unggul digelar 'Malay Residential School' di awal penubuhannya yang berkonsepkan sekolah berasrama penuh yang pertama mengikut kaedah 'public school' di England.

Pada tahap permulaan, kebanyakan pelajar terdiri daripada golongan atasan tetapi selepas tamat Perang Dunia Kedua (1941-1945) di atas kesedaran dan pergolakan politik menyebabkan pihak British terpaksa melonggarkan kemasukan pelajar ke kolej ini.

Sejak itu Kolej Melayu Kuala Kangsar telah mengalami perkembangan yang pesat. Bangunan-bangunan tambahan bagi kelas-kelas persediaan, makmal-makmal sains, blok pentadbiran, perpustakaan, dewan sekolah, dewan kuliah dan sebagainya telah didirikan untuk memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar. Kelas-kelas peringkat prauniversiti juga telah dimulakan dalam tahun-tahun 1950-an.

Kolej ini sebagai sebuah institusi pendidikan di Malaysia berjaya dalam peranannya memajukan bidang pelajaran khasnya untuk bumiputera.

Ketika baginda dan baginda Raja Isteri berkenan mengunjungi dewan pameran, dalam satu ruang ada mempamerkan beberapa keping gambar Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Baginda kelihatan gembira bila melihat gambar bertiga dari keluarga diraja iaitu yang menunjukkan Al-Marhum duduk di tengah dengan diapit sebelah kanan oleh baginda sendiri manakala sebelah kiri pula ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah.

Menurut penerangan dari pihak kolej tersebut gambar itu diambil di awal tahun lima puluhan di mana ketika itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berumur antara lapan ke sebelas tahun di satu ruang istana di Negara Brunei Darussalam.

Liputan oleh
Mohd. Salleh Abdul Latif
dan Zubaidah HS

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien pernah menjadi pelajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1932 iaitu ketika Al-Marhum berusia 20 tahun.

Rancangan penghantaran Al-Marhum untuk mengikuti pelajaran di kolej ini adalah atas cadangan T.F. Carey yang ketika itu menjadi Residen British di Brunei ketika itu.

Al-Marhum telah bertolak dari Brunei ke Singapura dengan kapal laut bersama dengan Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Akhazul Khairi Waddin yang belayar ke United Kingdom.

Setibanya di Singapura, Al-Marhum telah menaiki keretapi ke Kuala Kangsar bersama dengan beberapa kerabat diraja Brunei lainnya bagi menemani Al-Marhum selama 6 bulan.

Menurut buku 'Brunei Annual Report' tahun 1932 mencatatkan bahawa Al-Marhum memasuki Kolej Melayu Kuala Kangsar pada 17 Februari, 1932, meninggalkan kolej pada 12 November, 1936. Mendapat pendidikan sehingga Darjah 5.

Manakala laporan daripada sijil berhenti sekolah ialah mewakili kolej dalam hoki dan bolasepak. Seorang ahli kadet yang cemerlang.

Keberangkatan kedua-dua baginda dan rombongan dalam rangka lawatan negara ke Malaysia termasuklah lawatan ke Kolej Melayu Kuala Kangsar ini telah memberi peluang kepada baginda melihat tempat asrama di mana Al-Marhum ayahanda baginda pernah diam di sana.

# Kebawah DYMM berangkat ke Unit Perancang Ekonomi

KUALA LUMPUR, 14 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Yang Berhormat Dato Abang Abu Bakar bin Mustapha.

Sebelum berkenan mendengar taklimat yang disembahkan oleh Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Dato Ali Abu Hassan bin Sulaiman, baginda telah berkenan menandatangani buku lawatan.

Baginda adalah dalam rangka lawatan negara ke Malaysia selama lima hari bermula 11 Februari lepas.

Dato Ali Abu Hassan bin Sulaiman menyembahkan bahawa fungsi Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia antaranya ialah menggubal dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi negara jangka panjang dan sederhana, menentukan peruntukan Belanjawan Pembangunan Negara serta menilai pencapaian program dan projek pembangunan dan menyelaras bantuan dari negara asing dan organisasi antarabangsa.

Pada asasnya perancangan yang dilaksanakan di Malaysia adalah perancangan dari atas (top down) dan perancangan dari bawah (bottom up).

Perancangan dari atas dilaksanakan di peringkat pusat dan agensi-agensi utama yang terlibat dalam menyediakan perakuan manakala di peringkat bawah perakuan juga akan diterima seperti daripada peringkat kampung kepada daerah dan seterusnya kepada Kerajaan Negeri, sembah Dato Ali Abu Hassan.

Falsafah pembangunan yang diamalkan di Malaysia adalah pembangunan yang berteraskan ekonomi pasaran, lagipun sejak dahulu lagi Malaysia mengamalkan ekonomi terbuka.

Sektor awam menetapkan teras pembangunan secara umum dan arah pembangunan ekonomi keseluruhannya, terang Dato Ali Abu Hassan, peranan sektor awam memastikan pencapaian matlamat sosioekonomi masih penting memandangkan tahap pembangunan ekonomi serta ciri-ciri negeri-negeri di Malaysia yang mempunyai penduduk berbilang kaum.

"Falsafah asas yang diikuti ialah pembangunan dengan pengagihan yang saksama atau 'growth with equity,' sembah Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi itu.

Apa yang dikehendaki ialah satu pengagihan semula dalam keadaan ekonomi yang dinamis agar tidak ada satu golongan pun yang mengalami kerugian atau merasa diketepikan.

Objektif utama adalah untuk mencapai perpaduan negara kerana perpaduan negara menjadi matlamat terakhir pembangunan sosioekonomi memandangkan sebuah masyarakat yang bersatu padu adalah asas penting untuk mewujudkan kestabilan sosial dan politik serta pembangunan yang berterusan.

# Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan berangkat ke Majlis Jamuan Teh

SELANGOR, 12 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan berangkat ke Majlis Jamuan Teh bersama dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sallahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Sultan Selangor Darul Ehsan.

Majlis Jamuan Teh itu telah berlangsung di Istana Alam Shah, Klang Selangor Darul Ehsan.

Berangkat ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Juga berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Negeri Selangor Darul Ehsan, Tengku Idris Shah dan Yang Mulia Puan Nurlisa binti Abdullah, serta ahli-ahli kerabat diraja Selangor Darul Ehsan yang lain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sebelum ini juga telah pernah berangkat membuat lawatan rasmi ke Negeri Selangor Darul Ehsan pada bulan November, 1989 yang lalu.

Sementara itu, di Majlis Jamuan Teh bersempena dengan lawatan negara baginda berdua ke Malaysia, baginda berdua juga telah berkenan menerima cenderamata dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Darul Ehsan, di Istana Alam Shah.

# Berangkat ke Majlis Santapan Tengah Hari

KUALA LUMPUR, 12 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan berangkat ke Majlis Santapan Tengah Hari yang diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia, Tuanku Bainun bersempena dengan keberangkatan baginda ke Malaysia.

Majlis tersebut telah berlangsung di Hotel Shangri La di sini. Keberangkatan tiba baginda ke majlis itu telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Yang Amat Mulia Raja Dato Seri Azureen menuju Bilik Perak di mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong bersemayam sebelum majlis dilangsungkan.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam. Juga hadir di majlis itu ialah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan Yang Mulia Puan Nur Lisa binti Abdullah isteri Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Negeri Selangor Darul Ehsan.

Kemudiannya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dengan diiringi Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan Yang Mulia Puan Nur Lisa berangkat ke Bilik Sabah di mana Majlis Santapan Tengah Hari diadakan.

Bagi menyerikan lagi majlis persantapan tersebut satu pertunjukan fesyen pakaian dari sebuah butik batik juga diadakan sambil diiringi dengan muzik tradisional dari Kumpulan Puspanita.

Sebelum berangkat menghadiri Majlis Persantapan Tengah Hari, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain juga telah berkenan berangkat menyaksikan pameran batik dan kraftangan Malaysia yang berlangsung di Seri Negara.

Keberangkatan tiba baginda dan rombongan telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Pengarah Bahagian Galakkan Dagangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Puan Hajjah Saniah binti Baba.

Perbadanan Kraftangan Malaysia adalah sebuah badan yang berperanan penting memperkenalkan dan memasarkan kraftangan-kraftangan yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha dari seluruh Malaysia khususnya batik, tenunan songket dan pertukangan perak dan lain-lain kraftangan.

## LAWATAN NEGARA KEBAWAH DYMM DAN KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI KE MALAYSIA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah antara kerabat diraja yang mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, mengadakan lawatan negara ke Malaysia baru-baru ini telah berangkat pulang. Berangkat mengalu-alukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

# Berangkat menemui rakyat baginda di Malaysia

Liputan oleh
Mohd. Salleh Abdul Latif
dan Zubaidah HS

KUALA LUMPUR, 14 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat menemui rakyat baginda yang berada di Malaysia.

Majlis tersebut telah berlangsung di Istana Sharif Ali di sini hari ini.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia walaupun sibuk dengan aturcara lawatan negara ke Malaysia selama lima hari tetapi baginda sentiasa ingat kepada rakyat baginda walau di mana baginda berada.

Dalam majlis itu lebih seratus orang rakyat baginda yang terdiri dari pegawai-pegawai dari Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang menghadiri latihan dan kursus serta pelajar-pelajar yang menuntut di berbagai institusi pengajian di Malaysia telah hadir dan berpeluang junjung ziarah dan beramah mesra dengan baginda yang amat disayangi oleh rakyat Negara Brunei Darussalam.

Sebelum baginda berkenan menerima junjung ziarah dari rakyat baginda, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Timbalan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

## Berangkat ke Majlis Perpisahan

KUALA LUMPUR, 15 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan berangkat ke Majlis Perpisahan bersempena dengan lawatan negara baginda berdua selama lima hari ke Malaysia bermula 11 Februari lepas.

Majlis Perpisahan itu telah berlangsung di Istana Negara di sini hari ini.

Keberangkatan tiba baginda berdua di majlis itu telah dialu-alukan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia, Tuanku Bainun.

Keberangkatan baginda berdua yang diiringi sama oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah menuju ke bilik khas di Istana Negara.

Berangkat sama di majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam serta Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Juga berangkat di majlis itu ialah Duli Yang Maha Mulia Raja Nazrin Shah, Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan serta anakanda-anakanda Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia yang lain.

Setelah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia berangkat ke Laman Istana Negara bagi istiadat menerima tabik hormat diraja daripada kira-kira 107 orang anggota tentera darat, laut dan udara Rejimen Askar Melayu Diraja Malaysia.

Selesai istiadat menerima tabik hormat diraja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dengan diiringi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Datin menuju Lapangan Terbang Antarabangsa Subang bagi keberangkatan balik baginda berdua ke Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir bagi mengucapkan selamat berangkat balik kepada baginda berdua serta rombongan ialah Menteri Pengiring kepada baginda berdua, Yang Berhormat Dato Haji Abu Hassan, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Datin Hajjah Wan Noor.

Baginda berdua berangkat balik ke Negara Brunei Darussalam dari Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dengan pesawat khas kira-kira jam 1.00 petang.

# Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan berangkat ke Majlis Santapan Negeri

PERAK, 13 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan berangkat ke Majlis Santapan Negeri di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar di sini.

Santapan negeri itu telah diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Bainun bersempena keberangkatan sehari baginda berdua ke Negeri Perak Darul Ridzuan.

Berangkat sama di Majlis Santapan Negeri itu ialah Duli Yang Maha Mulia Raja Nazrin Shah, Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam serta ahli-ahli kerabat diraja Negeri Perak Darul Ridzuan.

Terdahulu sebelum Majlis Santapan Negeri bermula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berkenan menandatangani Buku Pelawat Diraja di Kamar Kuning Istana Iskandariah, Kuala Kangsar dan seterusnya berkenan berangkat bagi bergambar ramai bersama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta lain-lain ahli kerabat diraja di kedua buah negara.

Kemudiannya baginda berdua dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat ke Dewan Santapan di mana berlangsung.

Di awal Majlis Santapan Negeri, lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan lagu 'Negara Ku' telah dimainkan oleh Pancaragam Polis Diraja Malaysia dan seterusnya bacaan doa selamat yang dibacakan oleh Mufti Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.

Terdahulu sebelum berangkat ke Majlis Santapan Negeri di Istana Iskandariah, baginda berdua serta lain-lain ahli kerabat diraja Negara Brunei Darussalam juga telah berkenan berangkat melawat Madrasah Idrisiah di Bukit Chandan Kuala Kangsar.

Keberangkatan baginda berdua di sana telah diiringi sama oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Nazrin Shah, Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan dan Yang Amat Mulia Raja Dato Seri Azureen.

Di sana baginda berdua telah berkenan menandatangani buku lawatan dan seterusnya mendengarkan taklimat mengenai sejarah dan perkembangan madrasah itu sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1917 hinggalah ke hari ini.

Sementara itu, di Madrasah Idrisiah baginda berdua juga telah berkenan melawat bilik-bilik pameran dan kelas-kelas serta berkenan menerima cenderamata.

Madrasah Idrisiah adalah merupakan sekolah agama yang pertama ditubuhkan di Negeri Perak dan mula beroperasi pada tahun 1922. Madrasah ini mendapat namanya sempena dengan nama Al-Marhum Sultan Idris Murshidul Adzam Shah, yang juga merupakan pengasas madrasah tersebut.

Pada awal penubuhannya, madrasah ini hanya mengambil anak-anak yatim sebagai penuntut, tetapi diperluaskan seterusnya berperingkat iaitu bersesuaian dengan dasar pendidikan negara, sistem pendidikan agama di madrasah telah dipermodenkan supaya lepasan agama mempunyai prospek yang lebih luas.

Pada awal tahun 80-an, Madrasah Idrisiah telah mengalami zaman kemerosotan tetapi apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah menaiki takhta Negeri Perak, baginda telah menintahkan supaya Madrasah Idrisiah di bangunkan semula setelah lama diselubungi kemuraman. Proses pembangunan semula Madrasah Idrisiah bermula tahun 1985 dan dijangka selesai dalam tahun ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan Negara Brunei Darussalam sebagai mewakili dan bagi pihak Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bertukar-tukar nota Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Pertahanan setelah ditandatangani dengan Yang Berhormat Dato Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Menteri Pertahanan Malaysia.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bertukar-tukar nota Memorandam Persefahaman Dalam Bidang Penerangan dan Penyiaran, dengan Yang Berhormat Dato Mohamed Rahmat, Menteri Penerangan Malaysia.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam bertukar-tukar nota Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Pendidikan dan Latihan dengan Yang Berhormat Dato Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, Menteri Pendidikan Malaysia.

# MEMORANDUM PERSEFAHAMAN KERJASAMA DITANDATANGANI ANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 14 Februari. — Negara Brunei Darussalam dan Malaysia menandatangani empat Memorandum Persefahaman Kerjasama dan satu perjanjian yang dilakukan di Seri Negara di sini hari ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan Negara Brunei Darussalam sebagai mewakili dan bagi pihak Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Pertahanan manakala dari Malaysia pula ditandatangani oleh Yang Berhormat Dato Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Menteri Pertahanan Malaysia.

Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Penerangan dan Penyiaran di antara kedua-dua buah negara ditandatangani oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam manakala dari pihak Malaysia ialah Yang Berhormat Dato Mohamed Rahmat, Menteri Penerangan Malaysia.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam menandatangani Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Pendidikan dan Latihan manakala Yang Berhormat Dato Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, Menteri Pendidikan Malaysia mewakili negaranya.

Memorandum Persefahaman Mengenai Penetapan Suatu Kawasan Latihan dan Lalulintas Gerakan Tentera Udara Di Atas Laut China Selatan Di Dalam Maklumat Penerbangan Kawasan Kota Kinabalu juga ditandatangani.

Memorandum Persefahaman ini ditandatangani oleh Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria, Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam manakala di pihak Malaysia ditandatangani oleh Yang Berhormat Dato Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Menteri Pertahanan Malaysia.

Satu perjanjian perkhidmatan udara di antara dan di luar wilayah masing-masing juga ditandatangani oleh kedua-dua buah negara.

Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria, Menteri Perhubungan mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Berhormat Dato Lim Ah Lek, Menteri Tenaga Manusia bagi pihak Menteri Pengangkutan menandatangani bagi Malaysia.

Sebelum upacara Memorandum Persefahaman dan Perjanjian di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam itu dilakukan doa dibacakan oleh Mufti Wilayah, Dato Abdul Kadir Talib.



YANG Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria, Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam bertukar-tukar nota Memorandum Mengenai Penetapan Suatu Kawasan Latihan dan Lalulintas Gerakan Tentera Udara Di Atas Laut China Selatan Di Dalam Maklumat Penerbangan Kawasan Kota Kinabalu dengan Yang Berhormat Dato Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Menteri Pertahanan Malaysia.



YANG Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria, Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam bertukar-tukar nota perjanjian Perkhidmatan Udara Di Antara dan Di Luar Wilayah masing-masing dengan Yang Berhormat Dato Lim Ah Lek, Menteri Tenaga Manusia bagi pihak Menteri Pengangkutan Malaysia.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam menadah tangan bersama dengan lain-lain menteri kabinet Negara Brunei Darussalam ketika doa dibacakan oleh Mufti Wilayah, Dato Abdul Kadir Talib sebelum upacara Penandatanganan Memorandum Persefahaman Kerjasama dan Perjanjian antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang berlangsung di Seri Negara, Kuala Lumpur.

# Sumbangan Negara Brunei Darussalam terhadap ASEAN amatlah besar

Dari muka 3

Bagi memenuhi matlamat persetujuan tersebut titah baginda, komitmen yang tidak berbelah bahagi dari semua negara ASEAN amatlah perlu kerana kejayaan ASEAN bukan sahaja akan meningkatkan peranannya sebagai penggerak pembangunan dan kestabilan di Asia Tenggara tetapi juga sebagai teras kerjasama bagi seluruh rantau Asia Timur, tegas baginda.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong juga amat bersyukur atas redanya pertikaian di Kemboja dan baginda penuh berharap dan sama-sama berdoa agar proses keamanan di negara tersebut akan berjaya sepenuhnya supaya Negara Combodia sendiri dan negara-negara Indocina yang lain dapat samasama memainkan peranan sebagai rakan ASEAN bagi membentuk sebuah negara yang aman damai di Asia Tenggara.

Kerjasama yang rapat antara negara-negara ASEAN selama ini, titah baginda haruslah dieratkan lagi demi kemajuan bersama di masa akan datang. Dari itu baginda mengajak bagi sama-sama menggemblengkan tenaga untuk terus berusaha ke arah matlamat tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bersabda merasmikan Persidangan Ke-27 Majlis Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEC) di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

# SEAMEO terus capai pelbagai perkembangan

BERAKAS, 10 Februari. — Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata, sejak Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah Persidangan Majlis Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) bagi kali pertama enam tahun lalu, pelbagai perubahan dan perkembangan telah berlaku di kalangan negara-negara anggota SEAMEO termasuk pertubuhan dan pusat-pusatnya.

Yang Berhormat berkata, sesuai dengan ekonomi dan kegiatan industri yang terus berkembang, tenaga kerja yang berkemahiran dan berkelayakan adalah sangat diperlukan.

"Kepentingan pendidikan vokasional dan teknikal yang bertujuan bagi menyediakan tenaga manusia yang diperlukan oleh negara-negara kita adalah dikenal pasti dan diberi keutamaan dalam pembangunan pertubuhan ini," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, permintaan yang sangat diperlukan bagi latihan, pendidikan dan sistem pengurusan maklumat yang dimiliki oleh institusi-institusi negara tertentu masih belum memuaskan disebabkan oleh kekurangan infrastruktur yang diperlukan seperti sumber tenaga manusia dan fizikal.

"Penubuhan SEAMEO-VOCHTECH tahun lepas merupakan tanda yang jelas bahawa kita memberi perhatian yang sewajarnya terhadap keperluan rantau ini," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan keputusan Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kepada Pusat Serantau SEAMEO-VOCHTECH menandakan komitmen negara ini kepada SEAMEO dan juga sebagai satu sumbangannya kepada pembangunan rantau ini.

"Adalah diharapkan negara-negara ahli-ahli bersekutu dan negara-negara penyumbang akan mengambil peluang ini untuk membantu pusat serantau yang baru ini dan sama-sama berkongsi tanggungjawab bagi pembangunannya dan pembangunan rantau ini umumnya," ujar Yang Berhormat.

# Masa depan pendidikan di Asia Tenggara menggalakkan — sabda

BERAKAS, 10 Februari. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melahirkan keyakinan bahawa masa depan pendidikan di Asia Tenggara merupakan prospek yang menarik.

"Ia memerlukan perancangan yang bijak dan oleh sebab inilah kenapa tuan-tuan dan puan-puan bertemu di sini dalam beberapa hari ini," sabda Duli Yang Teramat Mulia ketika berangkat merasmikan Persidangan Ke-27 Majlis Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEC) di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini hari ini.

"Perang Dingin telah berakhir dan perjanjian damai Kemboja telah ditandatangani. Kesannya akan membentuk identiti baru Asia Tenggara. Rantau kita boleh mengharapkan keamanan dan kesejahteraan yang lebih menyeluruh dan berpeluang untuk membangun dengan penuh keyakinan dalam dunia yang cepat berubah," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia yakin visi berkenaan juga dikongsi bersama oleh pihak-pihak berkenaan dalam SEAMEO yang telah memperkembangkannya dengan menyediakan para penduduk rantau ini dengan kemahiran-kemahiran moden yang sangat diperlukan.

Duli Yang Teramat Mulia juga merasa bangga dengan mutu pendidikan yang ditawarkan di rantau ini.

"Saya gembira bahawa dasar-dasar pendidikan kita adalah komited sepenuhnya terhadap konsep-konsep kecemerlangan antarabangsa," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia gembira bahawa para menteri pendidikan kita telah melakukan pelbagai usaha bagi menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan yang telah menghasilkan keputusan-keputusan cemerlang para penuntut rantau ini di dalam negeri dan di seberang laut.

"Khususnya dalam usaha-usaha gigih para penuntut Asia Tenggara di sekolah-sekolah, maktab-maktab dan universiti-universiti di seberang laut, adalah suatu yang boleh menjadi kebanggaan serantau. Mereka memperlihatkan bentuk identiti Asia Tenggara yang kita mahu kembangkan," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan kedatangan para menteri pendidikan dan para perwakilan masing-masing ke negara ini khususnya Republik Demokratik Rakyat Laos yang aktif semula menyertai pertubuhan itu dan Republik Sosialis Vietnam selaku anggota baru SEAMEC.

Persidangan ke-27 ini adalah kali kedua dikendalikan oleh Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Sekretariat Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) yang beribu pejabat di Bangkok, Thailand. Kali pertama adalah dalam bulan Januari 1986 (Persidangan SEAMEC Ke-21).

Negara Brunei Darussalam menjadi ahli SEAMEO pada 16 Februari, 1984 di Persidangan SEAMEC Ke-19 di Pattaya, Thailand.

# Negara teruskan sumbangan US$500,000 kepada SEAMEO

Liputan oleh
Abd. Karim HAB

BERAKAS, 10 Februari. — Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat hari ini mengumumkan bahawa Negara Brunei Darussalam akan meneruskan Tabung Bantuan sejumlah US$500,000 kepada Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) bagi tempoh lima tahun lagi 'upon completion of the initial five year period in 1993' yang menandakan komiten sepenuhnya negara ini terhadap SEAMEO.

Timbalan Menteri Pendidikan memberitahu perkara itu selaku ketua perwakilan Negara Brunei Darussalam di segi plenari pertama, Persidangan Ke-27 Majlis Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEC) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini ini.

"Dengan penubuhan SEAMEO-VOCTECH di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam berharap untuk memainkan peranan penting dalam meningkatkan latihan vokasional dan teknikal di rantau Asia Tenggara. Negara Brunei Darussalam merasakan bahawa berbakti untuk rantau ini adalah satu keutamaan," ujar Yang Mulia.

Menurut Yang Mulia, selaku kumpulan serantau, kerjasama yang rapat di kalangan negara-negara anggota adalah sentiasa diperlukan. Oleh yang demikian hubungan pendidikan adalah satu perkara penting di mana kerjasama boleh dipertingkatkan dalam memperkembangkan pembangunan sumber tenaga manusia serantau," ujar Yang Mulia.

Timbalan Menteri Pendidikan menambah, hubungan pertalian itu juga hendaklah terus diperkembangkan dengan lain-lain institusi melimpasi batas sempadan Asia Tenggara yang mana akan memperluaskan horizon dan pengalaman kita.

Di antara para pegawai kanan kerajaan yang lain dalam perwakilan itu ialah Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong; Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad serta beberapa orang pegawai kanan Kementerian Pendidikan.

# Menteri Pendidikan dilantik selaku Presiden SEAMEC Ke-27

BERAKAS, 10 Februari. — Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz telah dilantik selaku Presiden Majlis Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEC) dan Pengerusi Persidangan di sesi plenari pertama Persidangan Ke-27 SEAMEC hari ini di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Manakala Menteri Pendidikan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Lee Yock Suan pula dilantik selaku Naib Pengerusi.

Sejurus menerima lantikan itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam telah menyampaikan cenderamata kenangan kepada Tuan Yang Terutama Dr. Isidro D. Carino yang menamatkan tempoh perkhidmatan selaku Presiden SEAMEC Ke-26.

Terdahulu di majlis itu, Republik Sosialis Vietnam telah diterima selaku negara anggota Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO).

Pengisytiharan kemasukan negara itu telah dibacakan oleh Pengarah Sekretariat SEAMEO, Profesor Dr. Ruben C. Umaly yang kemudian diserahkan oleh Presiden SEAMEC, Tuan Yang Terutama Dr. Isidro D. Carino, Setiausaha Pendidikan, Kebudayaan dan Sukan Republik Filipina kepada Naib Menteri Pertama Kementerian Pendidikan dan Latihan Republik Sosialis Vietnam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Sc Pham Minh Hac yang mengetuai delegasi negaranya ke persidangan ini.

Persidangan yang dirasmikan hari ini telah dihadiri oleh para menteri pendidikan negara-negara anggota, para perwakilan negara-negara Anggota Bersekutu, negara penyumbang, pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa, para pengarah dan penyelaras projek Pusat Serantau SEAMEO serta Pengarah Sekretariat SEAMEO.

Buat pertama kali sejak tahun 1975, Republik Demokratik Rakyat Laos, sebuah negara anggota SEAMEO yang kurang aktif tetapi telah bergiat semula, telah menghadiri persidangan kali ini yang diketuai oleh Menteri Pendidikan dan Sukan, Tuan Yang Terutama Tuan Samane Vignaket.



MENTERI Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dilantik selaku Presiden Majlis Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEC) Ke-27.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menadah tangan ketika doa dibacakan sejurus keberangkatan tiba baginda berdua di Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas selepas berangkat mengadakan lawatan negara lima hari ke Malaysia.

# Berangkat balik

BERAKAS, 11 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha hari ini telah berangkat balik dari Kuala Lumpur, Malaysia setelah mengadakan lawatan negara lima hari atas undangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia.

Sejurus baginda berdua dan rombongan berangkat tiba, doa selamat telah di-bacakan oleh Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris juga berangkat sama dalam rombongan baginda berdua.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berangkat balik ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajjah Mazuin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Jefriah.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat menemui rakyat baginda yang berada di Malaysia. Dalam gambar, kelihatan baginda berkenan beramah mesra dengan sebahagian rakyat baginda.

# Berangkat ke Majlis Sambutan Hari Puja Usia

BERAKAS, 14 Februari. — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia yang dianjurkan oleh Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota (PAPDA) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Amat Mulia **Pengiran Bini Hajjah Mazuin.**

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan memotong kek hari puja usia dengan diiringi oleh lagu 'Selamat Puja Usia' dan seterusnya berkenan menerima cenderamata yang disembahkan oleh ahli-ahli PAPDA.

Majlis itu diserikan dengan persembahan hiburan yang termasuk nyanyian dan tarian oleh ahli-ahli PAPDA.

Sebelum meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah dari ahli-ahli PAPDA.

Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam adalah Penaung Persatuan PAPDA.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan berangkat di Majlis Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia yang dianjurkan oleh Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota (PAPDA). Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajjah Mazuin. — Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

# Ketahanan, kemajuan sesuatu bangsa berkembang dari tiga aspek utama - titah

Liputan oleh
Mohd. Salleh Abdul Latif
dan Zubaidah HS

**INTISARI TITAH**

- *Ketahanan dan kemajuan sesuatu bangsa adalah berkembang dari tiga aspek utama iaitu taraf pendidikan yang tinggi, kedudukan ekonomi yang kukuh dan kuasa politik yang besar yang belum pernah dimiliki selengkapnya oleh sejarah lampau kita.*
- *Usaha penerapan bagi nilai-nilai budaya patriotik di kalangan bangsa dengan daya fikir yang jauh lagi strategik yang tidak boleh ditembusi oleh tipu helah musuh. Setiap orang mestilah bersiap sedia memberikan sumbangan masing-masing menurut bidangnya, ke arah membina dan memelihara kemerdekaan negara.*
- *Fungsi universiti bukan sahaja untuk mengeluarkan graduan-graduan biasa setiap tahun malah yang lebih penting ialah berupaya melahirkan ahli-ahli fikir yang berwibawa yang sanggup dan mampu berhadapan dengan zaman mereka.*
- *Universiti sebagai pelaksana dan pengamal sistem pendidikan yang dianggotai oleh para intelek mestilah menunjukkan yang mereka itu sanggup bertindak balas dalam bidang keilmuan, latihan dan penyelidikan agar para ahli dan graduannya cukup mampu dan berjaya menghadapi cabaran-cabaran yang biasanya datang mendadak dari perubahan-perubahan semasa.*

KUALA LUMPUR, 15 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa ketahanan dan kemajuan bangsa adalah bersumber daripada beberapa aspek.

Aspek pertama titah baginda, ialah taraf pendidikan yang tinggi, kedua kedudukan ekonomi yang kukuh dan ketiga kuasa politik yang besar.

Dari itu titah baginda, kita tidak ubah seperti kebanyakan negara-negara lain di Asia dan Afrika yang dengan mudah sahaja terjebak ke dalam kuasa-kuasa penjajah, dan apabila penjajah telah menguasai politik kita, sekaligus ekonomi dan pendidikan bangsa juga menjadi lemah.

Berdasarkan daripada ini titah baginda, agar sejarah yang hitam tidak berulang lagi, maka mustahaklah diusahakan suatu penerapan bagi nilai-nilai 'budaya patriotik' di kalangan bangsa kita, dengan daya fikir yang jauh lagi strategik yang tidak boleh ditembusi oleh tipu helah musuh, tegas baginda.

Baginda bertitah demikian bersempena dengan Ucapan Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang di Majlis Konvokesyen Khas yang berlangsung di Dewan Tuanku Canselor Universiti Malaya pada hari Sabtu lepas.

Dalam pada itu titah baginda, setiap orang mestilah bersiap sedia memberikan sumbangan masing-masing menurut bidangnya, ke arah membina dan memelihara kemerdekaan negara.

Semua itu akan lebih cepat berhasil, tegas baginda, jika ianya dipelopori langsung oleh kaum terpelajar yang sedar dan pandai menggunakan ilmu pengetahuan mereka untuk mencapai kecemerlangan bersama dan bukannya untuk kesenangan diri sendiri semata-mata.

Dari itu baginda penuh berharap bahawa universiti yang berperanan sebagai pelaksana dan pengamal sistem pendidikan yang dianggotai oleh para intelek, supaya menunjukkan kesanggupan untuk bertindak balas dalam bidang keilmuan, latihan dan penyelidikan.

Dalam hubungan ini, baginda menyeru universiti-universiti terkemuka di ASEAN supaya berganding bahu untuk menganalisis dan menghuraikan significance perkembangan dunia kepada rantau dan negara-negara kita.

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

مناناي كدولتن تانه ايركو

MENANAI KEDAULATAN TANAHAIRKU

دتربيتكن اوله جابتن فنرغن، جابتن فردان منتري دان دچيتق اوله جابتن فرچيتقن كراجأن، كمنترين اوندغ٢، نݢارا بروني دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.